UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

KEBERKESANAN MODEL KAUNSELING KELOMPOK BERSTRUKTUR TERHADAP PERHARGAAN KENDIRI DAN MOTIVASI PELAJAR

ABDUL RAHMAN KHALID

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2013

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Syukur Alhamdulillah, segala puji-pujian kepada Allah SWT dan selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, saya memanjatkan rasa syukur kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Saya amat bersyukur atas kekuatan, semangat serta kesabaran yang diberikan saya dapat menyiapkan tesis ini walaupun terpaksa menempuh berbagai cabaran.

Sekalung penghargaan kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini terutamanya pihak pengurusan sekolah kajian yang membenarkan saya menjalankan kajian di sekolah tersebut, khususnya para pelajar yang bersedia menjadi subjek dan memberi kerjasama yang sepenuhnya.

Saya juga merakamkan setinggi penghargaan kepada penyelia penulisan ini iaitu Dr. Mohamad Nasir bin Bistamam yang banyak memberi bimbingan, dorongan, motivasi dan komen kritis dalam meningkatkan mutu penghasilan penulisan ini. Semoga sumbangan yang diberikan diberkati oleh Allah SWT.

Buat isteri tersayang Noryati binti Ismail terlalu besar jasa dan pengorbanannya di sepanjang pengajian ini, dan pengorbanan itu tidak akan disia-siakan. Begitu juga buat anak-anak tercinta Azim, Akmal, Adli, Amir, Amri, Aziz dan Aqil yang menjadi sumber inspirasi dan semangat.

Akhir sekali, penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan projek saya ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat keberkesanan model kaunseling kelompok berstruktur terhadap penghargaan kendiri dan motivasi pelajar. Kajian ini dijalankan secara eksperimental iaitu melalui ujian pra dan ujian pos ke atas 40 orang pelajar tingkatan dua daripada sebuah sekolah menengah di dalam daerah Kinta yang dipilih berdasarkan skor min soalselidik yang menggunakan *Self Esteem Inventory* (SEI) dan Ujian Motivasi Pencapaian. Mereka kemudian dibahagikan kepada dua kumpulan dengan menggunakan kaedah sampel rawak berpasangan, iaitu kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Subjek kumpulan rawatan diberikan sepuluh sesi bimbingan kelompok. Bimbingan kelompok ini menggunakan Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur (KKB) yang berlandaskan Teori Rasional Emotif Perlakuan. Kumpulan rawatan telah menerima rawatan menggunakan KKB sementara kumpulan kawalan mengikuti kehidupan seperti biasa. Data kuantitatif dikumpul dengan menggunakan soal selidik SEI dan Ujian Motivasi Pencapaian. Data kajian dianalisis menggunakan ujian-t berpasangan, ANCOVA dan ujian *Post Hoc* dengan aras signifikan ditetapkan pada aras .05. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian antara ujian pra dan ujian pos terhadap kelompok rawatan. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pendekatan kaunseling kelompok menggunakan modul KKB berkesan dalam meningkatkan tahap penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian pelajar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

THE EFFECTIVENESS OF STRUCTURED GROUP COUNSELLING ON SELF-ESTEEM AND MOTIVATION OF STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to see the effectiveness of structured group counselling on self-esteem and motivation of students. This study was carried out experimentally using the pre and post test on fourty form two students from a secondary school in the district of Kinta, Perak. They were chosen according to min score of Self Esteem Inventory (SEI) and the Achievement Motivation Test questionnaires. They were then divided into two groups using the Pair Random Sampling methods, namely, the treatment group and the others become a control group. The subjects in the treatment group were given ten group counselling sessions using the module for Structured Group Counselling (KKB) which is based on Rational Emotive Behaviour Theory. The treatment group received treatment using the KKB while the control group on the other hand, were not given any treatment. Quantitative data were collected using the SEI and the Achievement Motivation Test questionnaires. Data were analyzed using independent samples t-test, ANCOVA and *Post Hoc* test with significance level set at .05 levels. The findings showed significant differences in self-esteem and achievement motivation between the pre and post test of the treatment group. In addition, the results show a significant difference for post test between the treatment group and the control group. The overall, results show that the group counseling approach using the KKB module was effective in enhancing students' self-esteem and achievement motivation.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN			iv
ABSTRAK			v
ABSTRACT			vi
KANDUNGAN			vii
SENARAI JADUAL			xii
SENARAI RAJAH			xiv
SENARAI SINGKATAN			xv
BAB 1	**PENGENALAN**		
	1.1	Pendahuluan	1
	1.2	Latar Belakang Kajian	2
	1.3	Pernyataan Masalah	5
	1.4	Tujuan dan Objektif Kajian	
		1.4.1 Tujuan Kajian	10
		1.4.2 Objektif Kajian	11
	1.5	Kesignifikan Kajian	13
	1.6	Definisi Konsep	
		1.6.1 Pelajar Pencapaian Akademik Sederhana	14
		1.6.2 Penghargaan Kendiri	15
		1.6..3 Motivasi Pencapaian	16
		1.6.4 Kaunseling Kelompok Berstruktur	17
	1.7	Definisi Operasional	19
	1.8	Batasan Kajian	21
	1.9	Persoalan Kajian	23
	1.10	Hipotesis Kajian	24
	1.11	Rumusan	25
BAB 2	**PENDEKATAN TEORI DAN KAJIAN LITERATUR**		
	2.1	Pengenalan	27
	2.2	Kerangka Konseptual Kajian	28
	2.3	Pendekatan Teori	

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

2.3.1 Teori Penghargaan Kendiri 30
2.3.2 Teori Motivasi Pencapaian 33
2.3.3 Kaunseling Kelompok 36
2.3.4 Terapi Rasional Emotif Perlakuan 38

2.4 Kajian Literatur

2.4.1 Kajian-kajian Tempatan 42
2.4.2 Kajian Luar Negara 49

2.5 Rumusan 50

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan 52

3.2 Reka Bentuk Kajian 53

3.3 Lokasi Kajian 55

3.4 Persampelan Kajian 56

3.4.1 Pemilihan Sampel Kajian 57

3.5 Kaedah Pengumpulan Data 60

3.6 Instrumen Kajian

3.6.1 Borang Maklumat Peribadi 61
3.6.2 Self-esteem Index (SEI) 61
3.6.3 Ujian Motivasi Pencapaian 63

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan 64

3.8 Kajian Rintis 65

3.9 Analisis Item 67

3.10 Prosedur Menjalankan Rawatan 72

3.11 Cara Pemarkatan 74

3.12 Rangka Rawatan Intervensi 75

3.13 Penganalisaan Data Statistik 83

3.14 Rumusan 85

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 86

4.2 Analsis Deskritif Subjek Kajian 87

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3 Dapatan Kajian Secara Deskriptif

4.3.1 Perbezaan Min Praujian dan Posujian Pembolehubah Utama 88
4.3.2 Perbezaan Min Praujian dan Posujian Subkonstruk Penghargaan Kendiri 89

4.4 Keputusan Analisis Statistik

4.4.1 Analisis Data Praujian 91
4.4.2 Pengujian Hipotesis 95

4.5 Rumusan 104

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 106

5.2 Sipnosis Kajian 107

5.3 Perbincangan 108

5.3.1 Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur Terhadap Penghargaan Kendiri 109

5.3.2 Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur Terhadap Motivasi Pencapaian 111

5.3.3 Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur Terhadap Penghargaan Kendiri Keluarga 112
5.3.4 Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur Terhadap Penghargaan Kendiri Rakan Sebaya 113
5.3.5 Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur Terhadap Penghargaan Kendiri Sekolah 114
5.3.6 Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur Terhadap Penghargaan Kendiri Keselamatan Diri 115

5.4 Implikasi

5.4.1 Implikasi Terhadap Bidang Keilmuan Bimbingan dan Kaunseling 117
5.4.2 Implikasi Terhadap Pihak Sekolah dan Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah 119
5.4.3 Implikasi Terhadap Ibu Bapa dan Masyarakat 120

5.5 Masalah Dalam Menjalankan Penyelidikan 121

5.6 Saranan dan Cadangan Penyelidikan Pada Masa Akan Datang 122

5.7 Rumusan dan Penutup 125

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Bibliografi 127

LAMPIRAN

L-1 Surat kebenaran untuk menjalankan penyelidikan dari Jabatan Pelajaran Negeri Perak
L-2 Lampiran Modul Bimbingan Kelompok
L-3 Soal selidik (alat kajian)
L-4 Dapatan semakan pakar
L-5 Dapatan Kajian Rintis
L-6 Dapatan Kajian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Kajian Eksperimental	54
3.2	Sub Konstruk *Self Esteem Index* (SEI)	63
3.3	Nilai Kesahan Pakar Item SEI	66
3.4	Keputusan Analisis Item Penghargaan Kendiri Keluarga	68
3.5	Keputusan Analisis Item Penghargaan Kendiri Sekolah	69
3.6	Keputusan Analisis Item Bagi Penghargaan Kendiri Rakan Sebaya	70
3.7	Keputusan Analisis Item Bagi Penghargaan Kendiri Keselamatan	71
3.8	Rangka Rawatan Intervensi	82
3.5	Pengujian Hipotesis Kajian	84
4.1	Data Demografi Subjek Kajian	87
4.2	Ringkasan Analisis Min Mengukur Perbezaan Pemboleh Ubah Utama Antara Kelompok Berpandukan Data Praujian dan Posujian Subjek Keseluruhan	88
4.3	Ringkasan Analisis Min Mengukur Perbezaan Subkonstruk Penghargaan Kendiri Antara Kelompok Berpandukan Data Praujian dan Posujian Subjek Keseluruhan	89
4.4	Ringkasan Analisis Statistik Ujian-T Mengukur Perbezaan Pembolehubah Utama Antara Kelompok Berpandukan Data Praujian Subjek Keseluruhan	92
4.5	Ringkasan Analisis Statistik Ujian-T Mengukur Perbezaan Subkonstruk Penghargaan Kendiri Antara Kelompok Berpandukan Data Praujian Subjek Keseluruhan	94
4.6	Ringkasan Analisis ANCOVA Melihat Kesan KKKB Terhadap Min Praujian dan Posujian MP dan PK Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Subjek Keseluruhan	96

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.7 Ringkasan Analisis ANCOVA Melihat Kesan KKKB Terhadap Min Praujian dan Posujian Subkonstruk PK Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Subjek Keseluruhan 98

4.8 Ringkasan Analisis Post Hoc – Tukey Perbezaan Min Posujian Antara Jenis Rawatan kelompok subjek lelaki dan subjek perempuan dan Kelompok Kawalan Dalam Pembolehubah Bersandar Utama Subjek Keseluruhan 101

4.9 Ringkasan Analisis Post Hoc – Tukey Perbezaan Min Posujian Antara Jenis Rawatan kelompok subjek lelaki dan subjek perempuan dan Kelompok Kawalan Dalam Semua Subkonstruk Penghargaan Kendiri 102

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Kerangka konseptual kajian	28
2.2	Carta alir Proses REBT	41
3.1	Carta Alir Pemilihan Sampel	59
3.2	Kaedah pengumpulan data	60
3.3	Metod REBT	77

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

SENARAI SINGKATAN

SEI	Self Esteem Index
KKB	Kaunseling Kelompok Berstruktur
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PKL	Penghargaan Kendiri Keselamatan
PKK	Penghargaan Kendiri Keluarga
PKR	Penghargaan Kendiri Rakan Sebaya
PKS	Penghargaan Kendiri Sekolah
REBT	Rational Emotive Behavior Therapy
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Packages for Social Science
n	kekerapan
SP	Sisihan Piawai

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan beberapa tajuk utama tentang kajian ini. Perkara-perkara asas yang dibincangkan akan meliputi latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan dan objektif kajian, kesignifikan kajian, batasan, definisi konsep dan operasional, dan hipotesis kajian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.2 Latar Belakang Kajian

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) merupakan rangka kerja untuk dijadikan panduan kepada dasar negara yang mengutamakan pembangunan modal insan. Pembangunan modal insan secara holistik amat penting supaya setiap pelapis yang bakal mewarisi negara bangsa ini merupakan warga berguna walaupun pelajar tidak mendapat semua ‟A″. Pembangunan modal insan perlu dirancang, dilaksanakan, dan dinilai secara menyeluruh iaitu secara saksama dan secara bijak.

Menurut Marzuki (2002), banyak kajian telah dijalankan berhubung dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian pelajar-pelajar di sekolah. Di antara kajian-kajian itu ialah hubungan antara konsep kendiri, motivasi pencapaian dan pencapaian akademik.

Penghargaan Kendiri merupakan satu daripada beberapa konsep yang diperolehi daripada dimensi konsep kendiri. Alias, Halimah dan Mohd Sahandri (1995) telah menjalankan kajian untuk menentukan implikasi konsep kendiri akademik terhadap pencapaian akademik (teori) dan penguasaan kerja amali kemahiran bersepadu. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara konsep kendiri akademik dengan pencapaian akademik dan penguasaan kemahiran kerja amali Pada amnya pelajar yang mempunyai konsep kendiri akademik yang tinggi menunjukkan pencapaian akademik dan penguasaan kemahiran kerja amali yang cemerlang dan sederhana.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Secara ringkasnya, penghargaan kendiri dicerminkan melalui sikap dalam pegangan hidup individu terhadap dirinya. Menurut Khor (2002) dapatan kajiannya menunjukkan bahawa tahap penghargaan kendiri remaja lelaki dan perempuan adalah tidak berbeza secara signifikan akan tetapi perhubungan yang signifikan antara orientasi lokus kawalan dengan penghargaan kendiri dan perhubungan antara status sosio ekonomi dengan penghargaan kendiri adalah teruji.

Motivasi pencapaian merupakan kecenderungan seseorang individu untuk melakukan sesuatu kerja dengan lebih baik, lebih lancar dan lebih berkesan, sama ada dalam bidang pekerjaan, perniagaan mahupun dalam bidang pendidikan. McClelland (1961) menyatakan bahawa pelajar yang bermotivasi pencapaian rendah pula akan memilih dua kaedah kegagalan iaitu jalan mudah untuk mencapai kejayaan atau memilih jalan yang bergantung kepada nasib semata-mata.

Kajian oleh Zaharah (2000) yang mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara motivasi pencapaian dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Sementara itu Norlia et. al. (2006) telah membuat kajian untuk menentukan hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan. Hasil analisis deskriptif mendapati para pelajar mempunyai dorongan motivasi dalaman yang tinggi berbanding motivasi luaran serta terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran mendalam dengan motivasi dalaman.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Justeru itu, usaha bagi meningkatkan penghargaan kendiri serta motivasi pencapaian perlu dilakukan bagi membantu pencapaian akademik pelajar khasnya dan sekolah amnya. Leon (2009) telah menjalankan kajian berkenaan kesan pelaksanaan intervensi yang dipimpin oleh kaunselor dan analisis statistik menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam perbandingan keputusan kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Kaunseling kelompok adalah merupakan satu intervensi yang sesuai dalam mengenal pasti keperluan pelajar. Wan Abdul Kader (1995) mengatakan bahawa kaunseling kelompok juga melibatkan satu perkembangan proses yang berterusan. Semasa menjalani kaunseling kelompok, ahli-ahli akan melalui beberapa peringkat perkembangan kendiri. Corey (2008) pula menyatakan bahawa tujuan kaunseling kelompok ialah pencegahan dan juga pengubatan. Kaunseling kelompok dijalankan di tempat tertentu yang mana fungsinya adalah untuk perkembangan diri ahli dan fokusnya terhadap usaha mencari kekuatan dalaman diri tiap-tiap ahli.

Siti Khazimah (2000), Lum (2002) dan Munawara (2008) telah membuktikan kaunseling kelompok berjaya meningkatkan konsep kendiri para peserta kajian. Salmiah, Rusnani & Asmah (2005), pula telah mencadangkan agar aktiviti kelompok bimbingan meliputi bimbingan peningkatan konsep kendiri dan bimbingan kemahiran belajar dijalankan secara bersepadu agar konsep kendiri dan pencapaian akademik pelajar dapat dipertingkatkan. Khairuz (2008) juga telah menjalankan kajian dan hasilnya menunjukkan kaunseling kelompok REBT berkesan untuk meningkatkan persepsi terhadap keluarga,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

penghargaan kendiri serta menurunkan kadar kemurungan pelajar-pelajar ibu bapa bercerai.

Menurut Crow & Crow (1983), darjah pencapaian seseorang pelajar dalam proses pengajarannya banyak bergantung kepada sikap, minat dan motivasi yang berterusan. Sehubungan dengan itu, kekuatan penghargaan kendiri serta motivasi pencapaian perlu dikenalpasti supaya sesuatu boleh dilakukan bagi mengembangkan mana-mana yang baik terhadap pelajar khasnya dan sekolah amnya. Kelompok berstruktur dilihat mempunyai kesan dalam meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian pelajar.

Sehubungan dengan itu kajian ini akan menggunaakan kaedah kaunseling kelompok berstruktur yang berteraskan teori REBT. Sesi yang dijalankan akan dikaji bagi melihat keberkesanan kaunseling kelompok berstruktur dalam meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian di kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana.

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Asmah Bee & Iran Herman (1995), remaja mempunyai potensi yang amat tinggi untuk mencipta kejayaan dan kecemerlangan dalam semua aspek kehidupan. Keputusan yang cemerlang merupakan gambaran tahap penguasaan yang tinggi terhadap sesuatu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

bidang ilmu. Namun tidak semua pelajar berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam akademik seperti yang diharapkan.Sebenarnya terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar seperti latar belakang seseorang pelajar serta tahap potensi dan intelek individu. Selain itu, faktor penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian juga merupakan faktor penting yang mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar.

Crow & Crow (1983), pula menyatakan darjah pencapaian seseorang pelajar dalam proses pengajarannya banyak bergantung kepada sikap, minat dan motivasi yang berterusan. Connie (1990) menyatakan penghargaan kendiri yang rendah boleh memusnahkan keupayaan kognitif seseorang itu untuk berfikir, merasai dan bertindak balas dalam cara yang positif. Penghargaan kendiri merupakan kunci pada kejayaan dalaman dan luaran. Individu yang berjaya pada hari ini mempunyai matlamat menentukan siapakah dirinya sebenar tanpa berasa bersalah atau bimbang dan kecurigaan terhadap kendiri

Menurut Jamaludin et. al. (2005), kecenderungan mencapai kejayaan berhubung dengan sesuatu tugas atau aktiviti adalah bergantung kepada tiga pemboleh ubah iaitu motif untuk mencapai kejayaan, kebarangkalian bahawa perbuatan melakukan tugas tersebut dan nilai insentif kejayaan tersebut. Motif mencapai kejayaan membawa motif sebaliknya iaitu motif mengelakkan kegagalan. Seseorang itu mungkin menghadapi sesuatu masalah dengan penuh semangat dan tenaga agar mendapat kejayaan ataupun mungkin mengelakkan tugas tersebut untuk mengelakkan kegagalan. Kebarangkalian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sama ada seseorang itu berjaya di dalam sesuatu tugas ialah nilai subjektif yang dibuatnya sendiri dan kebarangkalian itu mungkin tinggi atau rendah.

Jamaludin et. al. (2005) seterusnya menyatakan, mengikut teori motivasi pencapaian, kebarangkalian berjaya berkait secara langsung dengan daya penarik perihal kejayaan ataupun nilai insentif tersebut. Pada kebiasaannya, nilai insentif sesuatu kejayaan itu akan lebih besar untuk tugas yang lebih sukar jika dibandingkan dengan tugas yang lebih mudah. Oleh itu, berdasarkan kepada perbincangan tersebut, seseorang yang bermotivasi untuk kejayaan akan tertarik kepada tugas-tugas yang mempunyai kebarangkalian 50:50 untuk berjaya atau gagal dan nilai insentif untuk tugas tersebut pada tahap kebarangkalian ini pun tinggi. Sebaliknya individu yang bermotivasi untuk mengelak kegagalan akan mengelakkan tugas pada tahap kesusahan. Individu ini akan memilih tugas yang sangat senang agar kebarangkalian mengelakkan kegagalan sangat tinggi.

Justeru itu, kekuatan kedua-dua konsep kendiri sama ada akademik dan bukan akademik serta motivasi pencapaian perlu dikenalpasti supaya sesuatu boleh dilakukan bagi mengembangkan mana-mana yang baik terhadap pelajar khasnya dan sekolah amnya. Banyak kes telah dikenalpasti bahawa penghargaan kendiri yang rendah telah mempengaruhi tindakan seseorang terutamanya remaja.

Salah satu kes tersebut melibatkan tindakan nekad seorang pelajar terjun dari tingkat tiga bangunan sekolah selepas dikatakan kecewa dengan keputusan SPM yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

diumumkan. Perbuatannya itu telah mengejutkan banyak pihak (Berita Harian, 15 Mac 2006).

Seterusnya pada 18 November 2007, seorang murid yang baru menerima keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) telah ditemui mati tergantung pada jeriji tingkap bilik tidurnya. Mangsa dikatakan murung dan sedih kerana tidak mendapat keputusan seperti yang diharapkan (Malay Mail, 19 November 2007). Di India, persaingan sengit di bilik darjah serta tekanan menghadapi peperiksaan telah menyebabkan semakin ramai pelajar membunuh diri (Bernama, 16 Mac 2008).

Menurut Mohammad Nasir (2006), di Malaysia banyak pihak telah melibatkan diri dalam pelbagai program yang berbentuk intervensi berbentuk perkembangan dan pencegahan, sebagai contohnya Program Rakan Muda anjuran Kemmenterian Belia dan Sukan dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri. Malahan Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri juga sentiasa menekankan aspek pencegahan dan perkembangan dalam program peringkat negeri, daerah dan sekolah menerusi pelbagai program seperti Skim Lencana Anti Dadah dan Pembimbing Rakan Sebaya. Namun persoalannya, setakat ini belum ada pihak yang telah membuat penilaian kesan program-program tersebut dengan memberi bukti secara emperikal.

Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah berperanan penting dalam membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah dalam pencapaian akademik mereka. Salah satu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

prinsip utama yang telah di gariskan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling, Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia ialah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling menolong individu menyedari kelemahannya dan memberi fokus kepada kekuatannya. Dalam bimbingan dan kaunseling, fokus adalah pada memperkukuhkan lagi kekuatan yang ada padanya melalui aktiviti perkembangan dan pencegahan (Malek, 2007)

Menurut Zuraidah (1996) kaunseling kelompok adalah satu pendekatan yang boleh digunakan oleh kaunselor terlatih untuk memberi pertolongan berkesan kepada beberapa orang individu biasa yang sedang menghadapi masalah seharian yang normal dalam satu jangka masa yang sama. Menurut beliau, pendekatan ini mempunyai objektif yang sama dengan kaunseling individu tetapi meliputi interaksi kaunselor dengan lebih individu. Abdul Malek (2004), mengatakan rawatan yang menggunakan kaunseling kelompok berstruktur berupaya mengubah sistem kepercayaan subjek dalam permasalahan buli. Berdasarkan kajian yang dijalankan ianya didapati berkesan untuk mengurangkan tingkah laku buli.

Oleh itu, kajian ini adalah penting untuk dilaksanakan terhadap pelajar-pelajar pencapaian akademik sederhana bagi meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian mereka. Seterusnya pengkaji dapat mengkaji kesan kaunseling kelompok berstruktur dalam meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian di kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana bagi menghasilkan satu modul dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

intervensi untuk merawat pelajar yang rendah penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian.

1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

1.4.1 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menguji kesan intervensi kaunseling kelompok berstruktur terhadap penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana di sekolah menengah yang dipilih. Kesan kaunseling kelompok berstruktur akan diukur menerusi analisis data kuantitatif berdasarkan kepada perbezaan min ujian pra dan ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Namun demikian, berdasarkan instrumen kajian *Self Esteem Index* (Brown & Alexander, 1991) penghargaan kendiri terdiri dari empat subkonstruk iaitu Penghargaan Kendiri Keluarga, Penghargaan Kendiri Rakan Sebaya, Penghargaan Kendiri Sekolah dan Penghargaan Kendiri Keselamatan Diri.

Kelompok berstruktur didapati berkesan dalam meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian subjek, telah dibuktikan melalui kajian-kajian lalu yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

bertujuan meningkatkan konsep kendiri dan pencapaian akademik (Lum, 2002 dan Salmiah et al., 2005) meningkatkan penghargaan kendiri (Toh, 2005; Mohammad Nasir, 2006 dan Khairuz, 2008) dan motivasi pencapaian (Siti Khazimah ,2000).

Kaedah kaunseling kelompok berstruktur yang berteraskan teori REBT seperti latihan dalam kumpulan, main peranan, teknik *Imagery* beserta dengan modul peningkatan penghargaan kendiri akan digunakan. Sesi yang dijalankan akan dikaji bagi melihat keberkesanan kaunseling kelompok berstruktur dalam meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian di kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana.

1.4.2 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian di atas, maka terdapat dua objektif dalam kajian ini, iaitu objektif umum dan objektif khusus

1.4.2.1 Objektif Umum

Secara umumnya kajian ini berbentuk eksprimental yang dianalisis secara kuantitatif bertujuan untuk menguji kesan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kaunseling kelompok berstruktur ke atas dua pemboleh ubah bersandar iaitu penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana. Kajian ini melibatkan satu faktor moderator iaitu gender.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.4.2.2 Objektif Khusus

Berdasarkan objektif umum kajian diatas, maka objektif khusus kajian ini adalah untuk mengukur kesan kaunseling kelompok berstruktur (REBT) berdasarkan

i. perbezaan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

ii. perbezaan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri keluarga dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

iii. perbezaan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri rakan sebaya dalam kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

iv. perbezaan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri sekolah dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

v. perbezaan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri keselamatan diri dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

vi. perbezaan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos motivasi pencapaian umum dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.5 Kesignifikan Kajian

Di Malaysia pada hari ini penyelidikan dalam bentuk eksperimen yang dilakukan untuk menentukan sesuatu kaedah sesuatu pendekatan kaunseling bagi mengatasi masalah pencapaian akademik adalah amat kurang. Kajian eksperimental yang berorientasikan teori beserta modul aplikasi intervensi akan dapat membantu memperkuatkan lagi fungsi teoritikal dan pengunaan modul kaunseling kelompok dalam memperlihatkan keberkesanan intervensi melalui kaunseling. Penggunaan soal selidik SEI yang telah diterjemahkan dapat diperluaskan lagi oleh pengamal kaunseling dalam membantu mengenal pasti masalah klien.

Adalah diharapkan, hasil daripada kajian ini dapat membantu dalam menambah kefahaman masyarakat terutamanya pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan pentadbir sekolah, bagaimana kaunseling kelompok berstruktur dapat membantu meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian di kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana. Kajian ini boleh menjadi landasan untuk menggerakkan pihak kementerian agar menjadikan aktiviti kelompok bimbingan meliputi bimbingan peningkatan penghargaan kendiri dan bimbingan kemahiran belajar dijalankan secara bersepadu agar penghargaan kendiri dan pencapaian akademik pelajar dapat dipertingkatkan.

Selain itu, kajian ini juga dapat memberi sumbangan kepada warga pendidik dan pentadbiran sekolah dalam merangka proses pengajaran dan pembelajaran kerana penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian memainkan peranan penting dalam proses

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pembelajaran individu. Hasil kajian ini juga dapat membantu guru kaunseling di sekolah menggunakan modul kaunseling kelompok berstruktur ini dalam meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian di kalangan pelajar melalui proses kaunseling kelompok.

1.6 Definisi Konsep

1.6.1 Pelajar Pencapaian Akademik Sederhana

Pencapaian akademik adalah peningkatan atau penurunan prestasi akademik seseorang pelajar. Mengikut Norbaiti dalam Ramesh (2004), pencapaian akademik ialah kecekapan atau prestasi pembelajaran yang dicapai dalam akademik pendidikan formal. Crow & Crow (1983) menyatakan pencapaian akademik pelajar sering dihubung kaitkan dengan pencapaian pengeluaran markah yang tinggi di dalam peperiksaan. Menurut Abd Rahim (2000) keputusan sesuatu peperiksaan yang diiktiraf amat penting digunakan sebagai asas untuk tujuan pemilihan, menentukan kelayakan dan kebolehan seseorang calon untuk melakukan sesuatu tugas dan tanggungjawab dalam bidang pekerjaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.6.2 Penghargaan Kendiri

Penghargaan Kendiri adalah konsep yang digunakan dengan meluas dalam bahasa biasa dan psikologi. Menurut ensaiklopedia Wikipedia, penghargaan kendiri atau nilai diri merujuk kepada penilaian sampeltif individu mengenai dirinya sama ada positif atau negatif. Blascovich dan Tomaka dalam Wan Samhanin (2005) turut bersetuju dengan definisi ini.

Definisi yang paling luas dan sering digunakan adalah definisi Rosenberg (1965) yang mengambarkannya sebagai atitud yang disukai atau tidak di sukai mengenai diri. Mereka yang mempunyai penghargaan kendiri tinggi adalah mereka yang tahu menghargai dan menghormati dirinya sendiri. Ia tidak semestinya menganggap dirinya lebih baik atau kurang daripada orang lain tetapi mengetahui apakah kelebihan dan kelemahan dalam dirinya dan berusaha mengatasinya.

Coopersmith (1967) mendefinisikan penghargaan kendiri atau '*self esteem'* sebagai penilaian yang di buat oleh seseorang individu dan biasanya adalah tekal dengan dirinya sendiri. Ia menerangkan sesuatu sikap yang dipersetujui oleh diri individu itu serta menunjukkan kepercayaan individu itu bahawa dirinya berkebolehan, bermakna dan dihargai. Penghargaan kendiri ialah penilaian yang diberikan oleh individu itu kepada dirinya sendiri berdasarkan kepada pengalaman dan persekitaran hidupnya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menurut Mohammad Nasir (2006) penghargaan kendiri dilihat sebagai imej kendiri iaitu bagaimana seseorang menilai dan melihat secara menyeluruh tentang dirinya. Penghargaan kendiri mempengaruhi cara penampilan diri seseorang terutamanya di kalangan remaja ianya penting dalam perkembangan kognitif, afektif dan perlakuan yang sihat dalam kalangan remaja.

1.6.3 Motivasi Pencapaian

Motivasi pencapaian merupakan kecenderungan seseorang individu untuk melakukan sesuatu kerja dengan lebih baik, lebih lancar dan lebih berkesan, sama ada dalam bidang pekerjaan, perniagaan mahupun dalam bidang pendidikan.

McClelland (1961) telah menegaskan bahawa motivasi pencapaian individu berkait dengan motivasi dalaman yang membentuk tingkah laku seseorang. Tingkah laku ini boleh dibentuk dan dirangsang ke arah mencapai sesuatu kejayaan. Oleh sebab itu, beliau menekan bahawa terdapat hubungan yang sangat erat antara motivasi pencapaian dengan kejayaan dalam pelbagai aspek termasuklah aspek pendidkan. Individu yang berjaya ialah mereka yang bermotivasi pencapaian yang tinggi dan mereka ini mempunyai matlamat mahu mengejar kejayaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

McClelland (1961) seterusnya menyatakan bahawa pelajar yang bermotivasi pencapaian rendah pula akan memilih dua kaedah kegagalan iaitu sama ada jalan mudah untuk mencapai kejayaan atau memilih jalan yang bergantung kepada nasib semata-mata. Pemilihan kaedah ini akan menyebabkan orang lain tidak boleh menyalahkannya di atas kegagalannya. Beliau menjelaskan bahawa motif pencapaian ini merupakan satu sifat individu yang agak stabil. Orang yang sentiasa ingin mencapai sesuatu matlamat akan mempaparkan sifat-sifat yang berlainan daripada individu yang kurang inginkan pencapaian.

Jamaludin et. al. (2005) menyatakan, mengikut teori motivasi pencapaian, kebarangkalian berjaya berkait secara langsung dengan daya penarik perihal kejayaan ataupun nilai insentif tersebut. Pada kebiasaannya, nilai insentif sesuatu kejayaan itu akan lebih besar untuk tugas yang lebih sukar jika dibandingkan dengan tugas yang lebih mudah.

1.6.4 Kaunseling Kelompok Berstruktur

Kaunseling kelompok berstruktur mempunyai format yang jelas. Ahli kelompok akan mengambil bahagian dalam latihan yang direka untuk membantu mereka. Menurut Berg, Landreth dan Fall (2006) kaunseling kelompok berstruktur memenuhi keperluan khusus ahli kelompok melalui pemerolehan kemahiran, membantu ahli-ahli yang menyesuaikan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

diri dengan peristiwa kehidupan yang mencabar atau peralihan kehidupan, atau menangani isu-isu atau tema-tema khusus yang berkaitan dengan kehidupan ahli kelompok

Zuraidah (1996) menyatakan kaunseling kelompok adalah satu pendekatan yang boleh digunakan oleh kaunselor terlatih untuk memberi pertolongan berkesan kepada beberapa orang individu biasa yang sedang menghadapi masalah seharian yang normal dalam satu jangka masa yang sama. Menurut beliau, pendekatan ini mempunyai objektif yang sama dengan kaunseling individu tetapi meliputi interaksi kaunselor dengan lebih individu.

Menurut Brigman dan Goodman (2001) sesi kumpulan yang fokus, berstruktur dan berorientasikan matlamat mempunyai kadar kejayaan yang lebih baik dan lebih sesuai dengan misi sekolah. Kaunselor yang berkesan tahu tujuan setiap kumpulan dan telah membangunkan perancangan kumpulan yang sesuai untuk memudahkan pengajaran kemahiran kepada kanak-kanak dan remaja.

Kaunseling kelompok berbeza dengan kelompok lain kerana ia mempunyai fokus pada subjek tertentu seperti pelajaran, kerjaya, sosial atau personal dan matlamat untuk pencegahan dan pemulihan. Kelompok melibatkan proses antara peribadi yang tertumpu kepada fikiran, perasan dan tingkah laku. Kebiasaannya, pokok perbincangan dalam kelompok berpusat kepada masalah dan isu, dan dalam proses kaunseling ahli-ahli akan memberi tumpuan kepada perkara-perkara ini (Corey 2008)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Semasa menjalani kaunseling kelompok, ahli-ahli akan melalui beberapa peringkat perkembangan kendiri. Secara umumnya, perkembangan ini merujuk kepada proses yang sama walaupun kandungan kelompok berlainan. Perkembangan tahap-tahap ini biasanya bertindan-lapis dan tidak berlaku secara berasingan (Wan Abdul Kader, 1995).

Menurut Mohamed Sharif, Roslee dan Hamdan (2006) kelompok amat bermakna untuk membantu remaja mengalami perubahan dari zaman kanak-kanak ke zaman dewasa. Kaunseling kelompok memberi peluang kepada remaja untuk bertanya, memodifikasikan nilai dan berpeluang mengamalkan kemahiran komunikasi dengan rakan sebaya dan orang dewasa.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Pelajar Pencapaian Akademik Sederhana

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), pencapaian akademik bermaksud prestasi atau hasil yang diperolehi daripada proses yang dilalui oleh pelajar terhadap mata pelajaran yang diikuti.Pelajar pencapaian akademik sederhana dalam kajian ini merujuk kepada pelajar-pelajar tingkatan 2 berdasarkan markah ujian semasa menduduki peperiksaan Akhir Tahun tingkatan 1 dalam matapelajaran tertentu yang dipelajari.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Keputusan ini dianalisis mengikut gred pencapaian yang ditentukan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Pencapaian akademik sederhana dalam konteks kajian ini bermakna pelajar yang hanya mendapat prestasi markah sederhana iaitu lingkungan markah 40 hingga 59 bersamaan dengan gred C dalam matapelajaran Bahasa Melayu, Matematik, Sains.

1.7.2 Penghargaan Kendiri

Dalam kajian ini, penghargaan kendiri merujuk kepada bagaimana seseorang menilai dan melihat secara menyeluruh tentang dirinya berhubung dengan pelbagai sumber sokongan sosial seperti keluarga, akademik, rakan sebaya dan keselamatan diri berdasarkan skor yang diperolehi dari instrumen kajian iaitu *Self-Esteem Index* (SEI) (Brown & Alexander, 1991).

1.7.3 Motivasi Pencapaian

Dalam kajian ini, motivasi pencapaian merujuk kepada skor yang diperolehi dari Instrumen Ujian Motivasi Pencapaian (Abu Bakar, 1995). Ujian Motivasi Pencapaian ini dibina dengan mengambil kira enam faktor yang menjadi petunjuk tahap motivasi pelajar. Faktor-faktor tersebut ialah Perancangan matlamat pelajar, Ketabahan pelajar, Jangkaan pelajar terhadap kejayaan, Tahap kebimbangan pelajar, Kesanggupan pelajar menghadapi risiko dan Sikap pelajar

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.7.4 Kaunseling Kelompok Berstruktur

Dalam kajian ini, kaunseling kelompok yang dijalankan adalah satu model kaunseling kelompok yang berteraskan teori REBT seperti latihan dalam kumpulan, main peranan, teknik *Imagery* beserta dengan modul peningkatan penghargaan kendiri. Model kaunseling kelompok yang digunakan adalah berasaskan Model Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (KKPR) yang dibangunkan oleh Mohammad Nasir (2006). Model ini adalah berstruktur dan berorientasikan intervensi berbentuk perkembangan.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini adalah berbentuk eksprimental kuasi dengan menggunakan "*pretest-postest control group*", maka ia mempunyai limitasi dan batasan tertentu. Oleh kerana kajian ini dijalankan dengan sumber kewangan dan peruntukan masa yang terhad, maka kajian yang berskala besar tidak dapat dijalankan. Lokasi kajian juga adalah terhad kepada sebuah sekolah di daerah Kinta.

Menurut Mohammad Nasir (2006), kajian kaunseling kelompok adalah berbentuk kajian jangka pendek sedangkan proses perkembangan seseorang individu terutamanya peringkat remaja melibatkan masa yang panjang. Oleh itu kesan tidak akan dapat dilihat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

secara menyeluruh dalam jangka panjang terutamanya dalam menilai perubahan perlakuan dalam interaksi sosial secara nyata.

Walaupun terdapat banyak pemboleh ubah yang digunakan bagi menilai kesan kaunseling kelompok, namun pemboleh ubah kajian ini adalah terhad kepada satu pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kaunseling kelompok berstruktur dan dua pemboleh ubah bersandar iaitu penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian.

Pelajar tingkatan 3 dan 5 tidak terlibat dalam kajian ini kerana pihak pentadbiran sekolah tidak membenarkan pelajar yang berada dalam tahun peperiksaan terlibat dalam kajian. Ini selaras dengan kehendak dan arahan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD) Kementerian Pelajaran Malaysia.

Melalui kajian ini, satu modul kaunseling kelompok dibina sebagai intervensi bagi membantu pelajar yang mempunyai penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian rendah supaya memahami, menghayati dan menggunakan teknik yang dipelajari dalam kaunseling kelompok dan seterusnya meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian mereka.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.9 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah diterangkan, maka 2 soalan kajian telah ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

i. Adakah terdapat perbezaan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan?

ii. Adakah terdapat perbezaan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri keluarga dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan?

iii. Adakah terdapat perbezaan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri rakan sebaya dalam kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan?

iv. Adakah terdapat perbezaan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri sekolah dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan?

v. Adakah terdapat perbezaan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri keselamatan diri dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan?

vi. Adakah terdapat perbezaan dalam bacaan min ujian pra dan ujian pos motivasi pencapaian umum dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan?

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.10 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah berasaskan kepada tujuan kajian iaitu untuk melihat kesan kaunseling kelompok berstruktur dalam meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian di kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana. Kesan kaunseling kelompok akan dilihat dari dua pemboleh ubah terikat kajian iaitu penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian.

Kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh Abdul Munaim (2002) Salmiah, Rusnani & Asmah (2005), Toh (2005), Mohammad Nasir (2006) dan Khairuz (2008) telah menunjukkan terdapat peningkatan dalam penghargaan kendiri dalam kalangan pelajar yang mengikuti kaunseling kelompok. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Khazimah (2000) telah menunjukkan peningkatan dalam konsep kendiri dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar yang mengikuti kaunseling kelompok. Berdasarkan kepada tinjauan literatur tersebut, hipotesis –hipotesis berikut telah dibentuk dalam kajian ini:

Hipotesis

Ho1 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Ho2 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos motivasi pencapaian umum dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

Ho3 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri keluarga dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

Ho4 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri rakan sebaya dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan.

Ho5 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri sekolah dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan.

Ho6 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri keselamatan diri dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya bab ini menghuraikan mengenai kesan kaunseling kelompok berstruktur dalam meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian di kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana. Dalam tujuan bab ini dihuraikan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

tentang latarbelakang kajian, permasalahan kajian dan objektif kajian, kesignifikan kajian, definisi konsep dan operasional, dan hipotesis. Bab berikutnya akan membincangkan kajian-kajian berkaitan yang dijalankan di dalam negara dan di luar negara.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 2

PENDEKATAN TEORI DAN KAJIAN LITERATUR


2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan teori yang akan digunakan dalam intervensi kaunseling kelompok berstruktur dalam kajian ini. Seterusnya didalam bab ini juga akan membincangkan teori-teori yang berkaitan dengan pemboleh ubah – pemboleh ubah yang dikaji dalam kajian ini. Disamping itu, bab ini juga membincangkan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji di dalam dan luar negara mengenai dengan keberkesanan kaunseling kelompok.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.2 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 2.1 Kerangka konseptual kajian

Kajian ini dijalankan untuk menguji kesan intervensi kaunseling kelompok berstruktur berteraskan REBT terhadap penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar. Pengkaji berpendapat sistem kepercayaan tidak rasional pelajar menyebabkan tahap penghargaan kendiri dan motivasi diri mereka rendah. Menurut Ellis (1996) apa yang mengganggu manusia bukan berpunca kepada faktor persekitaran, tetapi manusia sendiri yang menyebabkan dirinya terbelenggu dengan mengada-gadakan kepercayaan dan memutar-belitkan pemikiran melalui imej dan fantasi, yang mana semua ini akan mengganggu emosi dan mempengaruhi tindakan. Di samping itu pula manusia juga turut cenderung untuk mengekalkan cara tindak mengikut kelaziman sepanjang hayat walaupun tindakan tersebut membawa kemusnahan dan kesengsaraan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Sehubungan dengan itu Ellis (1996) telah mengemukakan pelan tindakan bagi meningkatkan falsafah hidup yang lebih terbuka dengan pelbagai strategi bagi mencabar dan membetulkan sistem kepercayaan yang salah agar dapat menghasilkan emosi dan perlakuan yang lebih positif. Menurut Froggat dalam Mohamad Nasir (2006) rantai pelan tindakan dalam REBT dapat dilihat dalam hubungan D→ E→F.

D **Intervensi** (pertikaian) (*dispute*) iaitu strategi mencabar dan menghujah untuk membetulkan sistem kepercayaaan salah kepada sistem yang lebih rasional

E **Kesan daripada tindakan intervensi** (effect of *disputing*) berbentuk emosi dan perlakuan baru yang lebih sejahtera dan positif yang terhasil kesan sistem kepercayaan yang lebih terbuka.

F **Pelan tindakan seterusnya** berbentuk strategi bagi menyusun langkah tertentu yang perlu diambil untuk meningkatkan lagi mutu kehidupan

Kaunseling kelompok berstruktur berteraskan REBT akan dijadikan intervensi untuk membetulkan sistem kepercayaan yang salah kepada yang lebih rasional dan seterusnya meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pelajar.

Azizi Yahya (2005) menyatakan satu unsur besar dalam pembinaan konsep kendiri adalah penerimaan. Penerimaan oleh keluarga, guru dan rakan sebaya amatlah penting. Penerimaan bermaksud menghargai sifat-sifat istimewa individu sebagai manusia unik yang berbeza dengan individu lain dari segi sikap, pengetahuan dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kemahiran. Murid yang diterima merasai diri mereka dihargai, dikasihi dan bernilai. Oleh itu mereka dapat berinteraksi secara positif membincangkan masalah pembelajaran dalam kumpulan. Selaras dengan itu, pengkaji akan melihat penghargaan kendiri melalui subkonstruk penghargaan kendiri keluarga, penghargaan kendiri rakan sebaya, penghargaan kendiri sekolah dan penghargaan kendiri keselamatan diri

Pengkaji juga akan melihat samada faktor jantina akan memberi kesan kepada rawatan yang diberikan. Faktor jantina adalah pemboleh ubah moderator. Menurut Azizi et.al (2007) pemboleh ubah moderator ditakrifkan sebagai faktor yang diukur, dimanipulasikan ataupun dipilih oleh penyelidik bagi mencari sama ada pemboleh ubah ini memodifikasikan hubungan pemboleh ubah tidak bersandar dengan fenomena yang diperhatikan

2.3 Pendekatan Teori

2.3.1 Teori Penghargaan Kendiri

Menurut Azizi Yahya (2005) teori pembinaan penghargaan kendiri yang terkenal yang dikemukakan oleh Erik Erikson. Beliau menegaskan bahawa walaupun pembentukan identiti merupakan perkara yang agak lama, ia penting dalam kehidupan seseorang kanak-kanak atau orang dewasa. Erikson percaya ‘kepandaian atau kepintaran dalam kemahiran

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

kendiri seseorang merupakan sesuatu yang berterusan' dan memerlukan jangka masa yang panjang. Sekiranya seseorang memperoleh sesuatu dengan kebolehan dan keupayaan tingkah laku sendiri, mereka mempunyai asas dalam pencapaian kelak dan dapat menjalinkan hubungan yang erat dengan orang lain.

Maslow (1970), menyatakan motivasi wujud disebabkan oleh keperluan-keperluan yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu keperluan-keperluan fisiologi dan keperluan-keperluan psikologi. Keperluan fisiologi merangkumi keperluan untuk makan, minum, oksigen, pembuangan bahan kotor, rehat, tidur dan kejantinaan manakala keperluan-keperluan psikologi merangkumi keperluan untuk keselamatan, kasih sayang, harga diri dan kebenaran diri. Kesemua keperluan ini diletakkan dalam satu hirarki mengikut urutan kekuatan motivasi.

Sebenarnya keperluan mengetahui dan estetik tidak termasuk dalam hirarki asal dan dua kategori telah ditambah kemudian. Keperluan yang paling asas ialah keperluan fisiologi yang merupakan keperluan yang paling rendah. Keperluan yang paling tinggi ialah kesempurnaan kendiri.

Menurut Teori Maslow (1970), keperluan yang paling rendah (fisiologi) harus dipenuhi sebelum seseorang individu memikirkan tahap yang kedua iaitu keperluan psikologi. Keperluan di peringkat kedua tidak akan wujud jika keperluan di peringkat satu tidak mencapai tahap kesempurnaan. Maslow (1970) menyatakan hirarki keperluan sebagai suatu susunan keperluan-keperluan dalaman daripada yang kuat kepada yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

lemah yang mana ia boleh menggerakkan serta mengarah sesuatu tingkah laku. Lebih rendah sesuatu keperluan dalam hirarki, lebih kuat kekuatannya. Kepuasan memenuhi keperluan di peringkat tinggi akan membawa erti yang mendalam kepada diri individu tersebut, seperti kegembiraan yang tidak terhingga di samping mencapai ketenangan jiwa.

Menurut Teori Maslow, *esteem* atau konsep kendiri mempunyai kaitan dengan sejauh mana seseorang itu menghargai dirinya sendiri. *Esteem* juga menyatakan sejauhmana seseorang itu berasa dirinya seorang yang baik dan berguna, tanpa mengira apa yang sudah berlaku pada dirinya selama hidupnya. Satu unsur besar dalam pembinaan konsep kendiri adalah penerimaan. Penerimaan oleh keluarga, guru dan rakan sebaya amatlah penting. Penerimaan bermaksud menghargai sifat-sifat istimewa individu sebagai manusia unik yang bebeza dengan individu lain dari segi sikap, pengetahuan dan kemahiran. Penerimaan bererti memberi peluang kepada individu belajar menerima diri mereka sendiri. Penerimaan rakan sebaya penting supaya mereka tidak merasa tersingkir. Murid yang diterima kerap kali memperolehi prestasi akademik yang tinggi berbanding individu yang tidak diterima rakan sebaya. Murid yang diterima merasai diri mereka dihargai, dikasihi dan bernilai.

Orang yang mempunyai nilai penghargaan yang tinggi mengetahui perkara yang dilakukan itu betul ataupun tidak. Mereka tidak akan mengulangi perkara yang tidak baik. Mereka juga menetapkan sasaran supaya dapat mempertingkatkan diri sendiri.Sebaliknya,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

orang yang mempunyai nilai penghargaan yang rendah kurang jelas berkenaan konsep kendiri.

Sebagai contoh, sekiranya individu gagal dalam menyelesaikan masalah, dia cenderung membuat penilaian negatif pada diri sendiri. Mereka akan berputus asa dan hilang keyakinan. Tetapi, apabila berjaya menyelesaikan masalah ataupun mendapat puji, dia akan berasa bangga dan harga dirinya meningkat. Ini kerana, kepuasan hidup secara amnya dipengaruhi oleh harga diri. Dalam banyak kajian yang dibuat berkenaan harga diri terutamanya dalam menilai tingkah laku dan sikap diri sendiri, jelas kelihatan manusia menilai diri sendiri dengan membahagikannya kepada beberapa aspek.

2.3.2 Teori Motivasi Pencapaian

Teori motivasi pencapaian oleh McClelland dijadikan sandaran utama dalam membincangkan motivasi pencapaian di kalangan para pelajar. McClelland (1961) telah menegaskan bahawa motivasi pencapaian individu berkait dengan motivasi dalaman yang membentuk tingkah laku seseorang. Tingkah laku ini boleh dibentuk dan dirangsang ke arah mencapai sesuatu kejayaan. Oleh sebab itu, beliau menekan bahawa terdapat hubungan yang sangat erat antara motivasi pencapaian dengan kejayaan dalam pelbagai aspek termasuklah aspek pendidkan. Individu yang berjaya ialah mereka yang bermotivasi pencapaian yang tinggi dan mereka ini mempunyai matlamat mahu mengejar kejayaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

McClelland seterusnya menyatakan bahawa pelajar yang bermotivasi pencapaian rendah pula akan memilih dua kaedah kegagalan iaitu sama ada jalan mudah untuk mencapai kejayaan atau memilih jalan yang bergantung kepada nasib semata-mata. Pemilihan kaedah ini akan menyebabkan orang lain tidak boleh menyalahkannya di atas kegagalannya. Beliau menjelaskan bahawa motif pencapaian ini merupakan satu sifat individu yang agak stabil. Orang yang sentiasa ingin mencapai sesuatu matlamat akan mempaparkan sifat-sifat yang berlainan daripada individu yang kurang inginkan pencapaian. Antara lain ialah mereka tekun bekerja, tabah hati, suka bekerja dengan orang yang dapat memberi sumbangan yang sempurna, sering menetapkan piawai pencapaian untuk berjaya, menumpukan perhatian pada masa hadapan, tidak mengambil kira tentang nasib, jarang sekali mengambil risiko yang tinggi dan mereka ini amat bertanggungjawab.

Teori motivasi pencapaian McClelland telah menerangkan tentang keinginan untuk menghasilkan satu tugasan pencapaian dalam bentuk dua faktor atau motif, iaitu motif untuk mencapai kejayaan dan motif untuk mengelak kegagalan. Motif untuk mencapai kejayaan didefinisikan sebagai satu kejayaan untuk bertindak balas dengan rasa bangga terhadap sesuatu pencapaian. Manakala motif untuk mengelak kagagalan didefinisikan sebagai keupayaan untuk bertindak balas dengan rasa malu apabila hasil sesuatu perkara adalah gagal. Kebarangkalian kejayaan dilihat sebagai satu anggaran subjektif kemungkinan untuk berjaya pada tugasan yang diberikan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menurut Jamaludin et. al. (2005), kecenderungan mencapai kejayaan berhubung dengan sesuatu tugas atau aktiviti adalah bergantung kepada tiga pemboleh ubah iaitu motif untuk mencapai kejayaan, kebarangkalian bahawa perbuatan melakukan tugas tersebut dan nilai insentif kejayaan tersebut. Motif mencapai kejayaan membawa motif sebaliknya iaitu motif mengelakkan kegagalan. Seseorang itu mungkin menghadapi sesuatu masalah dengan penuh semangat dan tenaga agar mendapat kejayaan ataupun mungkin mengelakkan tugas tersebut untuk mengelakkan kegagalan. Kebarangkalian sama ada seseorang itu berjaya di dalam sesuatu tugas ialah nilai subjektif yang dibuatnya sendiri dan kebarangkalian itu mungkin tinggi atau rendah.

Jamaludin et. al. (2005) seterusnya menyatakan, mengikut teori motivasi pencapaian, kebarangkalian berjaya berkait secara langsung dengan daya penarik perihal kejayaan ataupun nilai insentif tersebut. Pada kebiasaannya, nilai insentif sesuatu kejayaan itu akan lebih besar untuk tugas yang lebih sukar jika dibandingkan dengan tugas yang lebih mudah. Oleh itu, berdasarkan kepada perbincangan tersebut, seseorang yang bermotivasi untuk kejayaan akan tertarik kepada tugas-tugas yang mempunyai kebarangkalian 50:50 untuk berjaya atau gagal dan nilai insentif untuk tugas tersebut pada tahap kebarangkalian ini pun tinggi. Sebaliknya individu yang bermotivasi untuk mengelak kegagalan akan mengelakkan tugas pada tahap kesusahan. Individu ini akan memilih tugas yang sangat senang agar kebarangkalian mengelakkan kegagalan sangat tinggi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.3.3 Kaunseling Kelompok

Menurut Zuraidah (1996) kaunseling kelompok adalah satu pendekatan yang boleh digunakan oleh kaunselor terlatih untuk memberi pertolongan berkesan kepada beberapa orang individu biasa yang sedang menghadapi masalah seharian yang normal dalam satu jangka masa yang sama. Menurut beliau, pendekatan ini mempunyai objektif yang sama dengan kaunseling individu tetapi meliputi interaksi kaunselor dengan lebih individu.

Menurut Berg, Landreth & Fall (2006) hubungan signifikan yang berkembang di dalam kelompok adalah sumbangan asas kepada perubahan tingkah laku. Ahli kelompok berfungsi bukan sahaja sebagai kaunseli tetapi sebagai satu kombinasi kaunseli pada satu ketika dalam sesi dan pada ketika lain berfungsi sebagai pembantu atau terapis. Melalui proses pengalaman ini, ahli kelompok lebih berupaya belajar menjadi pembantu atau terapis ahli.

Adalah dipersetujui umum bahawa dalam hubungan kelompok kaunsleing, ahli kelompok belajar untuk memberi disamping menerima. Maklumat dan halatuju keprihatinan terdiri dari matriks yang pelbagai arah, dimana ahli terlibat dalam memberi dan menerima bantuan. Pengalaman dalam realiti memberi bantuan kepada orang lain akan menggalakkan perkembangan kepada individu yang sebelum ini merasa dirinya tidak bernilai dan tidak diterima.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Zuraidah (1996) berpendapat dalam kaunseling kelompok perlu mewujudkan suasana selesa dan penerimaan setiap ahli tanpa ragu-ragu untuk membolehkan ahli menilai diri sendiri, mengalami perkembangan diri dan berhubungan dengan individu lain dengan lebih positif. Menurut beliau lagi, objektifnya adalah untuk melatih perserta kaunseling kelompok untuk berhubung dengan individu lain dengan berkesan di dunia luar atau dalam masyarakatnya.

Mengikut Corey (2008), kaunseling kelompok berbeza dengan kelompok lain kerana ia mempunyai fokus pada subjek tertentu seperti pelajaran, kerjaya, sosial atau personal dan matlamat untuk pencegahan dan pemulihan. Kelompok melibatkan proses antara peribadi yang tertumpu kepada fikiran, perasan dan tingkah laku. Kebiasaannya, pokok perbincangan dalam kelompok berpusat kepada masalah dan isu, dan dalam proses kaunseling ahli-ahli akan memberi tumpuan kepada perkara-perkara ini. Ahli kelompok terdiri dari individu-individu yang berfungsi dengan sihat dan berminat untuk melihat perkembangan diri dan bukan individu yang memerlukan rawatan ekstensif untuk perubahan personaliti. Apa yang mahu diubah oleh ahli-ahli kelompok ialah cara memahami dan menghadapi keadaan yang kritikal serta memahami konflik yang dialami serta mengubah tingkah laku yang merosakkan diri sendiri.

Wan Abdul Kader (1995) pula mengatakan bahawa kaunseling kelompok juga melibatkan satu perkembangan proses yang berterusan. Semasa menjalani kaunseling kelompok, ahli-ahli akan melalui beberapa peringkat perkembangan kendiri. Secara umumnya, perkembangan ini merujuk kepada proses yang sama walaupun kandungan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

kelompok berlainan. Perkembangan tahap-tahap ini biasanya bertindan-lapis dan tidak berlaku secara berasingan.

Corey (2008) menyatakan bahawa tujuan kaunseling kelompok ialah pencegahan dan juga pengubatan. Kaunseling kelompok mempunyai satu matlamat atau fokus yang tertentu seperti pembelajaran, kerjaya, masalah peribadi atau sosial. Kaunseling kelompok akan dapat memberikan ahli sokongan dan simpati yang perlu bagi membina suasana percaya mempercayai bagi menggalakkan ahli berkongsi pengalaman dan pendapat. Kaunseling kelompok dijalankan di tempat tertentu yang mana fungsinya adalah untuk perkembangan diri ahli dan fokusnya terhadap usaha mencari kekuatan dalaman diri tiap-tiap ahli.

2.3.4 Terapi Rasional Emotif Perlakuan (REBT)

Terapi Rasional Ematif Perlakuan (*Rational Emotif Behavior Therapy*) (REBT) telah dipelopori oleh Dr Albert Ellis sejak tahun 1955. Ianya lahir dan berkembang daripada pelbagai pendekatan terapi kognitif perlakuan. Sehingga sekarang pendekatan terapi ini menjadi salah satu pendekatan terapi yang sangat popular kerana ternyata berkesan serta menjimatkan masa dan kos. REBT juga adalah pendekatan yang menyeluruh, dan sesuai untuk semua terutamanya dalam melihat hasrat individu secara terperinci, memberi tumpuan pada masa kini dan satu pendekatan pemulihan untuk meningkatkan kemahiran daya tindak dalam masalah kehidupan (Corey 2008).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

REBT bertunjangkan kepada pandangan mengenai manusia yang dilahirkan bersama potensi otak untuk berfikir, sama ada secara rasional atau tidak rasional, baik atau buruk, lurus atau berputar belit dan sebagainya. Justeru itu manusia dapat berfungsi secara menyeluruh, dengan potensi otak manusia boleh berfikir, beremosi dan bertindak secara serentak. Ini menunjukkan walaupun pemikiran itu penting, namun aspek perasaan dan perlakuan juga turut penting dalam mempengaruhi kehidupan manusia. Oleh itu menurut REBT apa yang mengganggu manusia bukan berpunca kepada faktor persekitaran, tetapi manusia sendiri yang menyebabkan dirinya terbelenggu dengan mengada-gadakan kepercayaan dan memutar-belitkan pemikiran melalui imej dan fantasi, yang mana semua ini akan mengganggu emosi dan mempengaruhi tindakan. Di samping itu pula manusia juga turut cenderung untuk mengekalkan cara tindak mengikut kelaziman sepanjang hayat walaupun tindakan tersebut membawa kemusnahan dan kesengsaraan (Ellis 1996). Menurut Othman (2001), patologi kesihatan mental dalam REBT berkaita rapat dengan kecelaruan emosi yang timbul daripada menyalahkan diri dan orang lain.

REBT bertindak berdasarkan kepada beberapa prinsip yang mudah untuk mendapatkan kesan yang sangat mendalam iaitu; i. seseorang itu perlu bertanggungjawab ke atas perasaan dan tindakan sendiri; ii. emosi negatif dan perlakuan salahsuaian adalah lahir daripada pemikiran tidak rasional; iii. seseorang boleh mempelajari pandangan yang lebih realistik dengan cara mengamalkannya dan menjadikannya sebagai sebahagian daripada kehidupan; dan iv. seseorang boleh mengalami penerimaan sepenuhnya ke atas

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

diri sendiri dan kepuasan kendiri sepenuhnya dalam kehidupan dengan cara meningkatkan perspektif berasaskan realiti.

Menurut Ellis (1996), REBT melihat masalah yang sering melingkari kehidupan manusia daripada dua sudut utama iaitu masalah praktikal yang berbentuk luaran dan masalah emosi yang berbentuk dalaman. Masalah luaran terbit daripada proses interaksi yang berlaku antara seseorang dengan persekitaran, sama ada berbentuk kejadian atau peristiwa bermasalah yang dialami sendiri, atau sesuatu kejadian atau peristiwa bermasalah yang dilihat berlaku ke atas orang lain. Masalah dalaman pula merupakan gangguan emosi yang berlaku kesan daripada persepsi individu terhadap kejadian atau peristiwa bermasalah tersebut. Kesan daripada gangguan emosi yang berlaku pula akan mempengaruhi cara bertindak yang ditunjukkan oleh perlakuan.

Walau bagaimanapun REBT melihat hubungan antara masalah luaran dengan masalah dalaman adalah dalam bentuk secara tidak langsung. Menurut Ellis (1996), faktor pemikiran (kognitif) memainkan peranan yang sangat penting dalam menilai segala kejadian atau peristiwa yang berlaku. Teras dalam kecelaruan emosi adalah berasaskan pemikiran tidak rasional hasil daripada permintaan yang tidak rasional (Othman 2001).


Oleh itu cara seseorang berfikir sama ada secara rasional atau tidak rasional terhadap kejadian dan peristiwa yang berlaku atau peristiwa yang dilihat, akan mempengaruhi emosi dan perlakuan. Sehubungan itu, segala gangguan emosi dan perlakuan bermasalah pada diri seseorang adalah berpunca daripada pemikiran yang tidak

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

rasional dalam menilai kejadian atau peristiwa yang berlaku secara luaran. Perkaitan antara manusia berfikir, beremosi dan bertindak (perlakuan) adalah begitu rapat sekali dan kadangkala bergerak serentak, sehingga gangguan yang timbul pada salah satu daripada ketiga-tiga komponen tersebut akan mempengaruhi yang lain.

Teori REBT mencadangkan bahawa pemikiran, perasaan dan tindakan bukanlah fungsi yang harus dipisah-pisahkan. Secara kognitif, kesan emosi klien (C) tidak berpunca secara langsung daripada peristiwa (A), tetapi berpunca dari sistem kepercayaan (B) sebagai reaksi terhadap peristiwa. Oleh itu peranan (D), iaitu logik yang dapat digunakan dalam tujuan mempertikaikan (B), iaitu sistem kepercayaan yang tidak rasional. Intervensi ini diberi dengan hasrat menghasilkan perubahan emosi yang baru.



Rajah 2.2 Carta alir Proses REBT

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.4 Kajian Literatur

2.4.1 Kajian-kajian Tempatan

2.4.1.1 Motivasi Pencapaian

Zaharah (2000) menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar tingkatan empat mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara motivasi pencapaian dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.

Ahmad Saufie (1996) mengkaji hubungan antara orientasi pembelajaran, motivasi pencapaian dan pendekatan pembelajaran serta kesannya terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi tingkatan enam. Dapatan kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan antara lokasi tempat tinggal dan motivasi pencapaian. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara motivasi pencapaian dengan jantina dan status sosio ekonomi.

Norlia et. al. (2006) telah membuat kajian yang bertujuan untuk menentukan hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan pelajar Tingkatan 4. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan gaya pembelajaran mengikut jantina, etnik dan pencapaian awal dalam Matematik Tambahan. Kaedah yang digunakan adalah secara tinjauan. Sampel terdiri daripada 350 orang pelajar Tingkatan 4 daripada empat buah sekolah menengah di Kuala Terengganu. Alat kajian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang digunakan ialah Inventori Pembelajaran Di Sekolah yang mengemukakan empat gaya pembelajaran, iaitu gaya mendalam, gaya permukaan, gaya terancang dan gaya gigih usaha. Gaya kelima pembelajaran, gaya dorongan, telah diubah suai untuk mengukur dorongan motivasi dalaman dan luaran.

Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan pakej SPSS. Hasil analisis deskriptif mendapati para pelajar mempunyai dorongan motivasi dalaman yang tinggi berbanding motivasi luaran serta mengamalkan gaya permukaan dan gaya mendalam berbanding gaya terancang dan gigih usaha. Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran mendalam dengan motivasi dalaman.

2.4.1.2 Penghargaan Kendiri

Alias, Halimah dan Mohd Sahandri (1995) telah menjalankan kajian untuk menentukan implikasi konsep kendiri akademik terhadap pencapaian akademik (teori) dan penguasaan kerja amali kemahiran bersepadu mengikut jantina dan lokasi dikalangan pelajar Kemahiran Hidup Bersepadu. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara konsep kendiri akademik dengan pencapaian akademik dan penguasaan kemahiran kerja amali di kalangan pelajar lelaki, perempuan, pelajar-pelajar sekolah bandar. Pada amnya pelajar yang mempunyai konsep kendiri akademik yang tinggi menunjukkan pencapaian akademik dan penguasaan kemahiran kerja amali yang cemerlang dan sederhana. Sebaliknya pelajar yang mempunyai konsep kendiri akademik

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang rendah menunjukkan pencapaian akademik dan penguasaan kemahiran kerja amali yang rendah.

Khor, 2002 telah mengkaji faktor-faktor yang mempunyai hubungan dengan penghargaan kendiri remaja. Seramai 150 orang pelajar Tingkatan 4 di dua buah sekolah menengah di Lembah Klang telah dipilih. Alat kajian yang digunakan dalam kajian ialah Skala Lokus Kawalan Dalaman-Luaran Rotter (*Rotter Internal-External Locus of Control Scale*) dan *Culture Free Self-Esteem Inventory* yang telah direkabentuk untuk mengukur tahap penghargaan kendiri individu. Keputusan kajian dilaporkan mengikut pengujian hipotesis Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penghargaan kendiri remaja lelaki dan perempuan adalah tidak berbeza secara signifikan akan tetapi perhubungan yang signifikan antara orientasi lokus kawalan dengan penghargaan kendiri dan perhubungan antara status sosio ekonomi dengan penghargaan kendiri adalah teruji. Sebaliknya, pencapaian akademik tidak dapat dikesan adanya perhubungan dengan penghargaan kendiri.

2.4.1.3 Kaunseling Kelompok Berstruktur

Siti Khazimah (2000) pula cuba melihat keberkesanan kaunseling kelompok terhadap konsep kendiri dan motivasi pencapaian pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat yang terlibat dengan salahlaku ponteng sekolah. Kajian beliau menggunakan kaedah ujian pra dan ujian pasca keatas dua kumpulan eksperimen dan dua kumpulan kawalan. Dapatan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kajiannya membuktikan kaunseling kelompok berjaya meningkatkan konsep kendiri keluarga para pelajar kumpulan eksperimen

Lum (2002) telah menjalankan kajian yang bertajuk "*The Use of Group Counselling in Enhancing Positive Self Concept Among Undergraduates: A Case Study*". Kajian ini menguji kecekapan penggunaan kaunseling kelompok untuk meningkatkan konsep kendiri di kalangan para siswa-siswi. 22 pelajar dari UPM telah dipilih sebagai subjek kajian. Mereka telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kesemua subjek dikehendaki menduduki ujian Edisi Kedua *Tennessee Self-Concept Scale* sebelum dan selepas rawatan.

Keputusan kajian menunjukkan subjek dalam kumpulan rawatan telah memperolehi peningkatan konsep kendiri keseluruhan dan beberapa sub-skala konsep kendiri (moral, personal, sosial dan akademik). Tidak ada perbezaan signifikan terhadap konsep kendiri di kalangan subjek dalam kumpulan rawatan. Sebagai tambahan, peningkatan konsep kendiri keseluruhan dan sosial dalam kumpulan rawatan adalah lebih tinggi dari peningkatan kumpulan kawalan. Keputusan ini menyokong persoalan kajian ini, bahawa kaunseling kelompok boleh meningkatkan konsep kendiri para peserta.

Salmiah, Rusnani & Asmah (2005), pula telah menjalankan kajian yang bertajuk "Pengaruh Kelompok Bimbingan Terhadap Konsep Kendiri dan Pencapaian Akademik Pelajar". Kajian ini dijalankan untuk menentukan samada terdapat kesan kelompok bimbingan ke atas konsep kendiri dan pencapaian akademik pelajar sederhana

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

pencapaian. Di samping itu kajian ini turut melihat perkaitan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik pelajar tersebut. Subjek Kajiian adalah terdiri daripada 29 orang pelajar tingkatan dua yang menunjukkan pencapaian akademik sederhana di Sekolah Menengah Putrajaya (2). Reka bentuk kajian adalah kajian eksperimen yang melibatkan ujia pra dan ujian pasca ke atas satu kumpulan eksperimen dan satu kumpulan kawalan. Penetapan subjek untuk kedua-dua kumpulan telah dibuat secara rawak. Rawatan yang diberikan adalah merupakan kelompok bimbingan yang dikendalikan oleh pengkaji selama empat minggu dengan dua kali perjumpaan seminggu. Kedua-dua kumpulan menerima bimbingan melalui aktiviti kelompok bimbingan. Walau bagaimanapun kumpulan eksperimen telah menerima rawatan melalui Modul Peningkatan Konsep Kendiri dan kumpulan kawalan pula telah menerima bimbingan melalui aktiviti kemahiran belajar.

Alat kajian yg digunakan ialah *The Tennessee Self Concept Scale*. Analisis ujian *t* bersandar dan ujian *t* tidak bersandar serta analisis korelasi *Pearson* dengan aras keertian(signifikan) .05 digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Kajian menunjukkan terdapat peningkatan konsep kendiri sosial dan konsep kendiri keseluruhan bagi kumpulan eksperimen sahaja. Kajian mencadangkan agar aktiviti kelompok bimbingan meliputi bimbingan peningkatan konsep kendiri dan bimbingan kemahiran belajar dijalankan secara bersepadu agar konsep kendiri dan pencapaian akademik pelajar dapat dipertingkatkan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Mohammad Nasir (2006) telah menjalankan kajian kesan kaunseling kelompok ke atas penyesuaian remaja berisiko. Kajian dijalankan secara eksperimental ke atas 60 (30 lelaki dan 30 perempuan) murid tingkatan dua yang dipilih secara rawak bertujuan. Subjek diagihkan kepada empat kelompok rawatan dan dua kelompok kawalan. Data kajian di analisis menggunakan ANOVA, MANCOVA dan Post Hoc jenis Tukey pada nilai aras kesignifikan 0.5. Di samping itu, data kualitatif menerusi kajian pelbagai keatas lima subjek yang dipilih daripada kelompok rawatan dikumpul menggunakan kaedah analisis dokumen, pemerhatian secara langsung dan temuduga.

Hasil kajian menunjukkan kaunseling kelompok berkesan dalam meningkatkan daya tahan, kecekapan sosial, persepsi terhadap keluarga dan perhargaan kendiri serta menggurangkan tahap kemurungan dikalangan subjek. Kajian juga menunjukkan kaunseling kelompok didapati berkesan dalam meningkatkan kesedaran perancangan akademik dan kerjaya di kalangan subjek kajian.

Munawara (2008) telah menjalankan kajian yang bertujuan mengukur kesan kelompok bimbingan ke atas pemboleh ubah terikat iaitu identiti kendiri, kepuasan kendiri dan kendiri tingkah laku di kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana. Kajian ini dilakukan secara ekspremental ke atas 16 orang pelajar tingkatan empat yang dipilih secara rawak bertujuan. Subjek diagihkan kepada dua kelompok iaitu kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Subjek kawalan diberi tujuh sesi kelompok bimbingan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Data kajian di anilisis menggunakan ujian –t pada aras kesignifikan .05 . Hasil kajian menunjukkan kelompok bimbingan berkesan untuk meningkatkan konsep kendiri iaitu identiti kendiri, kepuasan kendiri dan kendiri tingkah laku. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pendekatan kelompok bimbingan berkesan dalam meningkatkan konsep kendiri di kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana.

Khairuz (2008) telah menjalankan kajian yag bertajuk "Kesan Kaunseling Kelompok Terapi Rasional Emotif Perlakuan (REBT) Terhadap Persepsi Keluarga, Penghargaan Kendiri dan Kemurungan Dalam Kalangan Pelajar Ibu bapa bercerai". Kajiannya bertujuan untuk mengukur kesan kaunseling kelompok Terapi Rasional Emotif Perlakuan (REBT) ke atas pemboleh ubah terikat iaitu persepsi keluarga, penghargaan kendiri dan kemurungan dalam kalangan pelajar ibu bapa bercerai. Kajian ini dijalankan secara eksperimental ke atas 16 orang pelajar tingkatan tiga hingga lima yang dipilih secara rawak bertujuan.

Subjek diagihkan dalam dua kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Subjek kumpulan rawatan diberikan sepuluh sesi kaunseling kelompok dengan setiap sesi dijalankan selama dua jam selama jangka masa lima minggu. Data kuantitif dikumpul dengan menggunakan soal selidik Skala Penaksiran Kerisauan Remaja (SPKR). Data kajian dianalisis menggunakan ujian-t pada nilai aras kesignifikan .05. Hasil kajian menunjukkan kaunseling kelompok REBT berkesan untuk meningkatkan persepsi terhadap keluarga, penghargaan kendiri serta menurunkan kadar kemurungan pelajar-pelajar ibu bapa bercerai.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.4.2 Kajian Luar Negara

Elbaum dan Vaughan dalam Mohammad Nasir (2006) telah menjalankan kajian meta-analisis tentang kesan pelbagai pendekatan intervensi berasaskan sekolah untuk meningkatkan konsep kendiri dikalangan pelajar-pelajar sekolah yang menghadapi masalah pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhannya pelajar-pelajar sekolah peringkat sekolah menengah mendapat lebih faedah daripada proses intervensi berbanding pelajar-pelajar peringkat sekolah rendah dan peringkat sekolah tinggi.

Kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan keberkesanan antara jenis intervensi yang dijalankan dengan tahap gred pencapaian pelajar. Intervensi kaunseling dilihat lebih berkesan daripada pendekatan lain di kalangan pelajar sekolah menengah dan pelajar sekolah tinggi, manakala inetvensi yang menumpukan kepada kemahiran belajar didapati lebih berkesan di kalangan pelajar sekolah rendah yang mengalami masalah pembelajaran. Selain daripada itu proses intervensi didapati lebih berkesan terhadap konsep kendiri akademik berbanding dimensi lain konsep kendiri di kalangan pelajar

Kajian yang dilakukan oleh Corington dan Beery dalam Mohammad Nasir (2006), menunjukkan bahawa pencapaian pelajar di sekolah adalah bergantung kepada bagaimana perasaannya terhadap dirinya. Anggapan terhadap kebolehannya yang sebenar. Jika ia rasa ia berkebolehan, ia akan berusaha ke arah itu. Ini bermakna bahawa, seseorang yang tinggi konsep kendirinya adalah lebih berkemampuan untuk berjaya

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kerana ia lebih beranggapan bahawa ia mempunyai kebolehan dan seterusnya berusaha ke arah itu.

Leon (2009) menjalankan kajian berkenaan kesan pelaksanaan intervensi yang dipimpin oleh kaunselor, program *Student Success Skill* (SSS) yang dialih bahasa ke atas pencapaian akademik pelajar keturunan Hispanik. Ini bersandarkan fakta yang menyatakan pelajar Hispanik adalah paling berisiko untuk gagal dalam akademik. Sampel kajian terdiri dari 103 pelajar kumpulan rawatan dan 98 pelajar kumpulan kawalan yang diplih daripada empat buah sekolah di Florida Selatan. Pencapaian akademik dinilai melalui Florida Comprehensive assesment Test (FCAT), intrumen ujian peringkat negeri yang standard. Analisis keputusan kajian dibuat melalui Multivariate analysis of covariance (MANCOVA). Analisis statistik menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam perbandingan keputusan kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

2.5 Rumusan

Berlandaskan kejayaan pendekatan yang telah dijalankan oleh Mohammad Nasir (2006), dan Khairuz (2008) kajian ini memasukkan kedua-dua teknik iaitu membetulkan sistem kepercayaan dengan menggunakan teori REBT dan meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian melalui modul peningkatan penghargaan kendiri dan motivasi pencapain. Teknik ini dilaksanakan dalam kelompok berstruktur kerana didapati ia adalah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

lebih mudah dilaksanakan. Setiap sesi kelompok dapat dijalankan dengan sistematik, iaitu setiap sesi mempunyai matlamat dan objektif khusus yang perlu dicapai.

Kelompok berstruktur didapati berkesan dalam meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian subjek, telah dibuktikan melalui kajian-kajian lalu yang bertujuan meningkatkan konsep kendiri dan pencapaian akademik (Lum, 2002 dan Salmiah et. al , 2005) meningkatkan penghargaan kendiri (Toh, 2005; Mohammad Nasir, 2006 dan Khairuz, 2008) dan motivasi pencapaian (Siti Khazimah, 2000).

Melalui pendekatan rawatan, kaedah kaunseling kelompok berstruktur yang berteraskan teori REBT seperti latihan dalam kumpulan, main peranan, teknik Imagery beserta dengan modul peningkatan penghargaan kendiri akan digunakan. Sesi yang dijalankan akan dikaji bagi melihat keberkesanan kaunseling kelompok berstruktur dalam meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian di kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penulis akan membincangkan secara terperinci berkenaan reka bentuk kajian, alat kajian, tempat kajian, subjek kajian serta metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana keberkesanan kaunseling kelompok berstruktur berteraskan modul REBT dapat meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian pelajar pencapaian akademik sederhana. Metod kajian ini akan dilakukan secara saintifik dan sistematik. Menurut Othman (2001),

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dalam sesuatu kajian, metodologi merupakan prosedur sistematik yang menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang sealiran dengan peraturan tersendiri bagi memastikan prestasi penyelidikan dapat dicapai dengan baik dan sempurna.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk eksperimental kuasi dengan model eksperimen sebenar. Kajian reka bentuk eksperimental ini digunakan oleh penyelidik bertujuan untuk menyiasat hubungan sebab dan kesan dengan mendedahkan satu atau lebih kumpulan-kumpulan percubaan kepada satu atau lebih kumpulan rawatan dan membandingkan keputusan kepada satu atau lebih kumpulan kawalan yang tidak menerima sebarang rawatan (Sidek, 2002). Kajian ini menggunakan reka bentuk ujian pra dan ujian pos ke atas kelompok rawatan dan kawalan. Subjek dipilih menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*).

Kumpulan pertama mengandungi 2 kumpulan kawalan mengikut jantina terdiri daripada 8 orang pelajar berpencapaian akademik sederhana daripada tingkatan 2 dan Kumpulan Kedua mengandungi 2 kumpulan rawatan mengikut jantina terdiri daripada 8 orang pelajar berpencapaian akademik sederhana daripada tingkatan 2. Data eksprimental ini dikumpul dan di analisis dalam bentuk kuantitatif. Tujuan kajian ini adalah untuk

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

melihat tahap penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian peserta kelompok dengan menggunakan alat ujian *Self Esteem Index* (SEI) (Brown & Alexander 1991) dan Ujian motivasi pencapaian (Abu Bakar, 1995). Perkara yang terlibat dalam reka bentuk ini ialah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1

Jadual 3.1

Reka bentuk Kajian Eksperimental

Kelompok R1	01	X	02
Kelompok R2	01	X	02
Kelompok K1	01	-	02
Kelompok K2	01	-	02

Petunjuk :

R1	=	Kumpulan rawatan lelaki
R2	=	Kumpulan rawatan perempuan
K1	=	Kumpulan kawalan lelaki
K2	=	Kumpulan kawalan perempuan
01	=	Ujian Pra
02	=	Ujian Pos
X	=	Intervensi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Berdasarkan jadual 3.1 di atas, kajian ini adalah bertujuan untuk menguji kesan pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah-pemboleh ubah bersandar ke atas pelajar pencapaian akademik sederhana. Terdapat satu pemboleh ubah tidak bersandar iaitu jenis kelompok yang terdiri daripada kelompok rawatan (R1 & R2) dan kelompok kawalan (K1 & K2). Kelompok rawatan akan menjalani intervensi (X) sebanyak lapan sesi dan kelompok kawalan tidak menerima intervensi. Intervensi yang sama akan dilakukan ke atas kelompok kawalan (K) setelah kajian ini selesai dijalankan. ujian Pra (01) dan ujian pos (02) dijalankan untuk mengukur pemboleh ubah-pemboleh ubah bersandar iaitu penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian sebelum dan selepas dijalankan intervensi terhadap kelompok rawatan dan juga kelompok kawalan.

3.3 Lokasi Kajian

Lokasi kajian yang dipilih pengkaji ialah di sebuah sekolah menengah luar bandar di daerah Kinta Utara. Pengkaji bersetuju untuk memilih lokasi kajian ini disebabkan sampel yang dipilih dapat memenuhi skop dan kehendak kajian yang akan dijalankan. Ini kerana data dan rekod guru kaunseling sekolah menunjukkan kebanyakan pelajar adalah dari kelompok sosio ekonomi rendah. Kajian Nasriah(1997) menunjukkan kebanyakan pelajar yang mempunyai pencapaian sederhana datang dari kumpulan sosio ekonomi rendah. Terdapat kajian mendapati anak dan keluarga yang mempunyai status sosio ekonomi yang tinggi , lebih maju dalam persekolahan dan mendapat gred pencapaian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang lebih tinggi berbanding dengan anak daripada status sosio ekonomi yang rendah (Lapsley & Edgerton, 2002).

3.4 Persampelan Kajian

Subjek yang digunakan dalam kajian ini adalah berfokuskan kepada para pelajar tingkatan dua di sebuah sekolah menengah di daerah Kinta Utara. Responden terdiri daripada kumpulan pelajar lelaki dan perempuan yang mendapat pencapaian akademik sederhana. Dalam kajian ini, populasi kajian telah dipilih secara *purposive sampling* yang berfokuskan kepada para pelajar yang mendapat pencapaian akademik sederhana. Ianya berdasarkan keputusan peperiksaan akhir tahun 2009. Seramai 132 orang pelajar yang terpilih adalah daripada kumpulan pelajar tingkatan dua yang mendapat pencapaian akademik sederhana.

Daripada populasi yang telah dikenal pasti tersebut, sampel kajian telah dipilih. Dalam kajian ini, saiz sampel yang dipilih adalah kecil. Menurut Othman (2001), keperluan bagi mendapatkan saiz sampel yang munasabah bagi tujuan kajian adalah berkaitan dengan rekabentuk kajian yang digubal oleh pengkaji. Saiz sampel yang baik akan memberi sumbangan penting apabila pengkaji membuat satu pengtakrifan keseluruhan bagi kajian yang dijalankan. Saiz sampel yang munasabah berkaitan rapat dengan dengan isu kuasa statistik. Oleh yang demikian, kuasa statistik memberi petunjuk

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kepada pengkaji sejauh manakah kajiannya boleh diteruskan secara ekonomikal dengan memperolehi dapatan yang serupa sekirannya kajian yang sama dijalankan pada masa hadapan oleh penyelidik lain

Kajian eksperimen ini memilih sampel yang kecil kerana kajian ini melibatkan penilaian tingkah laku sampel dalam kaunseling kelompok berhubung dengan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian mereka. Selain itu, kajian ini juga melibatkan kajian yang kompleks kerana sampel akan diberi rawatan untuk melihat sejauh mana keberkesanan kaunseling kelompok berstruktur berteraskan model REBT dapat meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian.

3.4.1 Pemilihan Sampel Kajian

Pada peringkat awal, pemilihan subjek dibuat atas bantuan kaunselor dan guru sekolah terbabit untuk mengenal pasti pelajar pencapaian akademik sederhana. Pelajar – pelajar tersebut telah dikenalpasti melalui rekod peperiksaan akhir tahun 2009. Kemudiannya, oleh kerana jumlah pelajar yang ingin dijadikan sampel adalah kecil, maka soal selidik diberi untuk mencari sampel yang dikehendaki, yang benar-benar tepat dengan kriteria untuk menguji pemboleh ubah – pemboleh ubah bersandar yang telah dipersetujui sebelum ini iaitu penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian .

Soal selidik ditadbir kepada populasi kajian seramai 132 pelajar yang telah dicadangkan untuk melihat tahap penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian . Data

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


yang di perolehi dari soal selidik ini akan di ambil kira sebagai ujian Pra. Kumpulan pelajar yang mendapat skor yang lebih tinggi daripad skor min 87.06 dikeluarkan. Kumpulan pelajar yang mendapat skor lebih rendah dari min dikekalkan. Seterusnya persampelan secara rawak berlapis digunakan dimana subjek diagihkan mengikut jantina. Prosedur sampel secara rawak mudah dalam setiap jantina dilakukan sehingga saiz sampel yang dikehendaki iaitu 20 orang bagi setiap jantina diperolehi. Menurut Chua (2006) kelebihan prosedur persampelan rawak berlapis ialah ralat persampelannya lebih kecil daripada ralat yang wujud daripada prosedur prosedur rawak sistematik dan persampelan rawak mudah.

Seterusnya subjek diagihkan kepada empat kelompok berdasarkan teknik rawak secara berpasangan (*pair random sampling*) iaitu kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan, kelompok kawalan lelaki dan kelompok kawalan perempuan. Dalam teknik ini subjek dipasangkan berdasarkan skor min dan jantina. Kemudian pasangan akan dibahagi kepada kelompok rawatan dan kelompok kawalan Ini dilakukan untuk memastikan kesemua subjek mempunyai ciri-ciri subjek yang setara dan bilangan yang sama.

Pengagihan subjek mengikut kelompok adalah seperti di paparkan dalam rajah 3.1 dibawah. Kelompok rawatan akan diberikan sesi kaunseling kelompok berstruktur mengikut modul yang disediakan. Sementara itu kelompok kawalan tidak diberikan sebarang rawatan. Selepas menjalani sesi kaunseling, kelompok rawatan dan juga kelompok kawalan akan ditadbir soal selidik untuk mendapatkan data pos-ujian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P




Rajah 3.1 Carta Alir Pemilihan Sampel (Nasir, 2006)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah melalui soal selidik Self-esteem Index (SEI) dan Ujian Motivasi Pencapaian . Kaedah pengumpulan data ditunjukkan seperti dalam rajah 3.2



Rajah 3.2 Kaedah Pengumpulan Data (Nasir,2006)

Soal selidik yang sama telah ditadbirkan semula kepada kedua-dua kumpulan subjek. Kumpulan rawatan akan ditamatkan sesi kelompok dan kumpulan kawalan pula akan menjalani sesi kelompok selepas data ujian pos diperolehi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.6 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, teknik atau kaedah yang digunakan untuk pengumpulan data ialah melalui soal selidik. Terdapat dua jenis soal selidik yang perlu dilengkapkan iaitu borang maklumat peribadi dan juga instrumen kajian untuk menguji penghargaan kendiri iaitu *Self-Esteem Ind*ex (SEI) dan menguji motivasi pencapaian iaitu Ujian Motivasi Pencapaian

3.6.1 Borang Maklumat Peribadi

Borang maklumat peribadi mengandungi soal selidik berkaitan maklumat diri subjek yang berkaitan dengan demografi bertujuan untuk memperoleh maklumat tentang latar belakang subjek kajian Butir-butir yang terkandung di dalam maklumat ini adalah seperti umur, jantina, bangsa, agama, lokasi kediaman, pekerjaan ibubapa, pendapatan ibu bapa dan bilangan adik-beradik.

3.6.2 Self-esteem Index (SEI)

Self-Esteem Index (SEI) ialah satu instrumen yang dialih bahasa untuk melihat tahap penghargaan kendiri indidvidu. Ianya sesuai digunakan untuk individu dalam lingkungan umur 8 hingga 18 tahun. SEI telah dialih bahasa daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah '*back translation'* (Brislin, Loner dan Thondike,1973.) Pada peringkat awal SEI telah dialih bahasa daripada bahasa Inggeris ke

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

bahasa Melayu dan dialih bahasa semula daripada bahasa Melayu ke bahasa Inggeris oleh sebuah panel yang terdiri dari pakar bahasa dan psikologi. Item-item yang dialih bahasa ke bahasa Inggeris tersebut di bandingkan dengan item-item SEI bahasa Inggeris asal untuk pembetulan. Setelah proses mengalih bahasa itu selesai, pakar bahasa Melayu pula diminta untuk memberi ulasan dan cadangan pembetulan terhadap makna, perkataan dan struktur bahasa pada semua item yang telah dialih bahasa itu.

SEI mengandungi empat sub konstruk iaitu Penghargaan Kendiri Keluarga, Perhargaan Kendiri Rakan Sebaya Penghargaan Kendiri Sekolah dan Penghargaan Kendiri Keselamatan Diri. SEI terdiri dari 80 item dan respons kepada soal selidik ini adalah berdasarkan kepada 4 pilihan bergantung kepada sama item itu positif atau negatif.

Item-item positif adalah 1, 2, 3, 5, 6, 7, 9, 10, 11, 14, 15, 17, 19, 21, 22, 23, 25, 27, 29, 31, 35, 38, 39, 41, 43, 47, 51, 53, 55, 58, 59, 62, 63, 65, 67, 71, 74, 75, 78, 79. Item-item negatif adalah 4, 8, 12, 13, 16, 18, 20, 24, 26, 28, 30, 32, 33, 34, 36, 37, 40, 42, 44, 45, 46, 48 , 49, 50, 52, 54, 56, 57 ,60 ,61 ,64 ,66 , 68, 69, 70, 72, 73, 76, 77 dan 80.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Keempat-empat sub konstruk diwakili oleh item-item seperti dalam jadual 3.2 berikut:-

Jadual 3.2

Sub konstruk Self Esteem Index (SEI)

Sub Konstruk	Item-item
Penghargaan Kendiri Keluarga	1, 5, 9, 13, 17, 21, 25, 29, 33, 37, 41, 45, 49, 53, 57, 61, 65, 69, 73, 77.
Perhargaan Kendiri Rakan Sebaya	2, 6, 10, 14, 18, 22, 26, 30, 34, 38, 42, 46, 50, 54, 58, 62, 66, 70, 72, 78
Penghargaan Kendiri Sekolah	3, 7, 11, 15, 19, 23, 27, 31, 35, 39, 43, 47, 51, 55, 59, 63, 67, 71, 75, 79
Penghargaan Kendiri Keselamatan Diri.	4, 8, 12, 16, 20, 24, 28, 32, 36, 40, 44, 48, 52, 56, 60, 64, 68, 72, 76, 80

3.6.3 Ujian Motivasi Pencapaian

Alat ukuran ini telah di perkenalkan oleh Abu Bakar Nordin (1995). Ujian Motivasi Pencapaian ini dibina dengan mengambil kira enam faktor yang menjadi petunjuk tahap motivasi pelajar. Faktor-faktor tersebut ialah

i. Perancangan matlamat pelajar
ii. Ketabahan pelajar
iii. Jangkaan pelajar terhadap kejayaan
iv. Tahap kebimbangan pelajar
v. Kesanggupan pelajar menghadapi risiko
vi. Sikap pelajar

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Sebanyak 25 item telah di kelompokkan mengikut faktor-faktor yang didapati melalui analisis faktor. Ujian Motivasi Pencapaian tidak akan melibatkan analisis sub konstruk kerana bilangan item adalah terlalu kecil.

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Mengikut Sidek Mohd Noah (2002), kesahan dijelaskan sebagai persetujuan rapat di antara sesuatu ujian dengan kriteria tingkah laku yang diperhatikan secara bebas. Kesahan adalah suatu konsep yang menentukan suatu ujian mengukur apa yang ia mahu ukur. Kesahan juga dapat ditakrifkan sejauh mana sesuatu alat ukuran itu mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kesahan melibatkan penentuan hubungan antara skor ujian ke atas tingkah laku subjek

Menurut Jamaludin et. al. (2005) alat ukuran Ujian Motivasi Pencapaian ini telah di akui kesahannya dan nilai pekali kebolehpercayaannya ialah .84. Skor maksimum yang boleh diperolehi menggunakan alat ukuran ini ialah 125 dan skor minimum ialah 25.

Bagi SEI satu ujian rintis telah dijalankan untuk menguji kebolehpercayaannya dan nilai pekali kebolehpercayaan yang didapati ialah .832. Kebolehpercayaan alat kajian diuji dengan menggunakan alpha cronbach dalam perisian SPSS , kaedah ini sesuai untuk menguji kebolehpercayaan soal selidik sains sosial termasuk yang berskala likert (Mohd

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Majid Konting, 1990). Menurut beliau, alpha bernilai .60 dan ke atas sering digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan.

3.8 Kajian Rintis

Satu pra ujian ke atas soal selidik telah diadakan pada Januari 2010. Pra-ujian soal selidik dilakukan ke atas 30 orang pelajar tingkatan dua di sebuah sekolah lain di daerah Kinta Utara. Pra ujian dikendalikan sendiri oleh pengkaji bertujuan untuk menentukan:

1. Kesahihan isi, ketepatan dan kejelasan item yang dipilih.
2. Kebolehpercayaan alat kajian yang digunakan.
3. Sama ada responden selesa dengan soal selidik dan bersemangat untuk menyempurnakannya.
4. Sama ada terdapat soalan yang mengelirukan.
5. Sama ada arahan yang dinyatakan adalah jelas.
6. Sama ada masa yang diambil untuk menyempurnakan soal selidik adalah munasabah.

Subjek mengambil masa di antara tiga puluh minit untuk melengkapkan soal selidik ini. Analisa data yang diperolehi daripada kajian rintis telah diuji dengan menggunakan alpha cronbach dalam perisian SPSS. Nilai pekali kebolehpercayaannya ialah .832 dan ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Bagi menentukan kesahan kriteria SEI, pengkaji juga telah mendapatkan kesahan daripada lima orang pakar yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris. Skor min keseluruhan ialah .87 hasil dari semakan yang dibuat oleh pakar. Jadual 3.4 berikut menunjukkan nilai kesahan item SEI mengikut sub konstruk.

Jadual 3.3

Nilai Kesahan Pakar Item SEI

Sub Konstruk	**Nilai Kesahan**
Penghargaan Kendiri Keluarga	.84
Penghargaan Kendiri Sekolah	.89
Penghargaan Kendiri Rakan Sebaya	.86
Penghargaan Kendiri Keselamatan Diri	.88

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.9 Analisis Item

Analisis item dilakukan untuk memastikan item yang dibina adalah yang bermutu. Item yang bermutu adalah item yang signifikan secara statistik. Signifikan adalah item yang mempunyai nilai alpha (*alpha if item deleted*) rendah dari nilai *standardized*. Begitulah disebaliknya di mana item yang rendah mutu apabila item tersebut mempunyai nilai alpha lebih tinggi dari nilai *standardized.* Item yang signifikan boleh membezakan respon individu dan kumpulan. Berikut adalah analisis item bagi penghargaan kendiri bagi keluarga, sekolah, rakan sebaya dan keselamatan.

Subkonstruk 1

Pada ujian pra (Jadual 3.4), analisis nilai alpha bagi penghargaan kendiri keluarga *standardized item alpha* yang diperoleh adalah .979. Terdapat satu item yang mempunyai nilai (*alpha if item deleted*) yang dikenalpasti lebih besar daripada *standardized item alpha*, iaiti item 69. Ini menunjukkan item ini adalah tidak signifikan dan kurang bermutu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 3.4

Keputusan Analisis Item Penghargaan Kendiri Keluarga

Bil	Item	*Cronbach's alpha if item deleted*
C1.	Saya dan ibu bapa sering bergembira bersama.	.976
C5.	Kehidupan di rumah saya begitu aman.	.977
C9.	Kami mempunyai ikatan keluarga yang rapat.	.976
C13.	Ibu bapa saya tidak mendengar apa yang saya lakukan.	.977
C17.	Saya boleh pergi kepada ibu bapa dengan masalah saya.	.977
C21.	Ibu bapa memahami saya sama seperti kebanyakan ibu bapa remaja yang lain.	.977
C25.	Ibu bapa saya berbangga dengan saya.	.977
C33.	Tiada sesiapa yang memberi perhatian kepada saya di rumah.	.976
C37.	Saya merasa diketepikan dari perkara-perkara dirumah.	.977
C41.	Ibu bapa tidak memarahi saya kecuali saya patut menerimanya.	.977
C45.	Saya tidak mempercayai keluarga saya.	.976
C49.	Keluarga saya tidak mempercayai diri saya.	.977
C53.	Keluarga saya akan membantu sekiranya saya menghadapi kesukaran.	.977
C57.	Saya sering bertengkar dengan keluarga saya.	.976
C61.	Saya tidak mempunyai cukup kebebasan dirumah.	.977
C65.	Saya seorang yang penting dalam keluarga saya.	.976
C69.	Ibu bapa terlalu mengharapkan kepada saya.	.988
C73.	Ahli keluarga saya adalah mereka yang baran.	.978
C77.	Perkara-perkara dirumah menyebabkan saya kecewa.	.977
	Standardize Alpha :	.979

Subkonstruk 2

Pada ujian pra (Jadual 3.5), analisis nilai alpha bagi penghargaan kendiri sekolah *standardized item alpha* yang diperoleh adalah .955. Terdapat dua item yang mempunyai nilai (*alpha if item deleted*) yang dikenalpasti lebih besar daripada *standardized item alpha*, iaiti item 54 dan 72. Ini menunjukkan item ini adalah tidak signifikan dan kurang bermutu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 3.5

Keputusan Analisis Item Penghargaan Kendiri Sekolah

Bil	Item	*Cronbach's alpha if item deleted*
C2.	Saya seorang yang rajin dan bekerja keras di sekolah.	.951
C6.	Saya cekap dalam kerja sekolah saya.	.951
C10.	Saya begitu cekap dalam melakukan kerja rumah tepat pada masanya.	.951
C14.	Saya bangga dengan kerja sekolah saya.	.950
C18.	Saya sering menimbulkan masalah kepada guru ketika di sekolah	.951
C22.	Saya suka pergi sekolah.	.951
C26.	Ibu bapa saya kecewa dengan pencapaian saya di sekolah.	.950
C30.	Saya membuat kerja sekolah setakat mana yang boleh sahaja.	.952
C34.	Kerja sekolah bukanlah sesuatu yang menarik.	.951
C42.	Saya lembab bila masa untuk melakukan kerja sekolah.	.952
C46.	Saya merasakan sukar untuk bekerja dalambilik darjah yang mempunyai terlalu banyak peraturan.	.952
C50.	Saya tidak begitu Berjaya di sekolah sebagaimana yang saya inginkan.	.954
C54.	Guru-guru saya menyebabkan saya merasa diri saya tidak cukup baik.	.961
C58.	Perilaku saya di sekolah adalah memuaskan.	.949
C62.	Kebanyakan guru saya adalah mereka yang adil.	.954
C66.	Kekadang saya berpura-pura sakit untuk tidak pergi kesekolah.	.951
C70.	Guru-guru saya memberi kerja sekolah yang tidak boleh saya lakukan.	.950
C72.	Saya sering mengalami pening dan sakit perut.	.960
C78.	Adalah menyeronokkan mempelajari sesuatu yang baru.	.955
	Standardize Alpha	: .955

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Subkonstruk 3

Pada ujian pra (Jadual 3.6), analisis nilai alpha bagi penghargaan kendiri rakan sebaya *standardized item alpha* yang diperoleh adalah .859. Terdapat lima item yang mempunyai nilai (*alpha if item deleted*) yang dikenalpasti lebih besar daripada *standardized item alpha*, iaiti item 19, 35, 59, 63 dan 67. Ini menunjukkan item ini adalah tidak signifikan dan kurang bermutu.

Jadual 3.6

Keputusan Analisis Item Bagi Penghargaan Kendiri Rakan Sebaya

Bil	Item	Cronbach's alpha if item deleted
C3.	Saya seorang yang agak popular dengan rakan sebaya.	.842
C7.	Saya seorang yang menyeronokkan untuk bersama.	.847
C11.	Adalah mudah untuk saya membuat rakan baru.	.836
C15.	Saya ketua dalam kebanyakan permainan yang dimainkan bersama rakan.	.842
C19.	Saya tidak mempunyai masalah bercakap dengan orang lain.	.863
C23.	Saya mempunyai rupa yang menarik sama seperti kebanyakan remaja lain.	.858
C27.	Rakan-rakan berpendapat saya mempunyai idea yang menarik.	.851
C31.	Saya rasa saya seorang mudah untuk disukai.	.851
C35.	Saya bukanlah pemalu.	.863
C39.	Rakan-rakan lain selalunya mahu saya menjadi ketua ketika kami bekerja dalam projek sekolah bersama.	.843
C43.	Saya biasanya menyatakan apa yang saya fikirkan.	.841
C47.	Saya rasa kebanyakan orang adalah menarik untuk berbual.	.832
C51.	Bila dewasa nanti, saya ingin menjadi seorang yang penting.	.850
C55.	Saya suka berada bersama-sama rakan-rakan lain.	.849
C59.	Saya tidak takut sesuatu sebanyak rakan-rakan yang lain.	.889
C63.	Saya bukanlah seorang yang kesunyian.	.865
C67.	Saya memasukkan orang lain dalam perancangan saya.	.875
C71.	Saya banyak belajar dari orang lain.	.855
C75.	Saya tidak mempunyai masalah membuat keputusan.	.837
C79.	Saya mempunyai sahabat yang boleh saya ceritakan masalah saya.	.843
	Standardize Alpha	: .859

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Subkonstruk 4

Pada ujian pra (Jadual 3.7), analisis nilai alpha bagi penghargaan kendiri keluarga *standardized item alpha* yang diperoleh adalah .862. Terdapat empat item yang mempunyai nilai (*alpha if item deleted*) yang dikenalpasti lebih besar daripada *standardized* item alpha, iaiti item 4, 44, 56 dan 72. Ini menunjukkan item ini adalah tidak signifikan dan kurang bermutu.

Jadual 3.7

Keputusan Analisis Item Bagi Penghargaan Kendiri Keselamatan

Bil	Item	*Cronbach's alpha if item deleted*
C4.	Rakan-rakan sering memilih saya.	.887
C8.	Saya bermimpi ngeri setiap malam.	.837
C12.	Saya sering berasa malu dengan diri saya.	.855
C16.	Rakan-rakan kurang menaruh keyakinan terhadap saya.	.854
C20.	Saya sering membesarkan masalah saya untuk menarik perhatian orang lain.	.846
C24.	Saya tidak merasa diri sebagai sebahagian dari kumpulan.	.851
C28.	Saya mengambil masa yang lama untuk biasa dengan sesuatu yang baru.	.857
C32.	Saya selalunya yang terakhir dipilih untuk sesuatu permainan.	.850
C36.	Saya tidak berasa takut.	.850
C40.	Rakan-rakan saya membiarkan saya menanggung kesalahan yang mereka lakukan.	.836
C44.	Rakan-rakan yang lain berpendapat saya seorang yang suka menangis.	.884
C48.	Saya lebih suka bermain dengan kanak-kanak yang lebih muda dari saya.	.862
C52.	Saya seorang yang cuai.	.849
C56.	Saya banyak menghabiskan masa bersendirian.	.869
C60.	Saya kurang selesa berada dalam kumpulan.	.848
C64.	Saya berharap saya adalah lebih muda.	.850
C68.	Kekadang saya berlagak mengetahui lebih dari yang sebenarnya saya tahu.	.853
C72.	Saya sering menglami pening dan sakit perut.	.867
C76.	Apabila sesuatu menjadi silap, saya kadang-kadang menyalahkan orang lain.	.839
C80.	Adalah sukar untuk saya bercakap di hadapan kelas.	.843
	Standardize Alpha	: .862

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.10 Prosedur Menjalankan Rawatan

Prosedur menjalankan rawatan adalah langkah-langkah yang diambil oleh pengkaji untuk menjalankan kajian dari awal hingga kajian berakhir. Ini termasuklah menyediakan cadangan penyelidikan, memohon kebenaran untuk membuat penyelidikan dan menyediakan laporan akhir penyelidikan. Segala prosedurnya perlu dijelaskan secara terperinci dan satu persatu.

Untuk menjalankan kajian di sekolah menengah yang telah dipilih, prosedur-prosedur kajian adalah seperti berikut :

i. Pengkaji menyediakan kertas cadangan penyelidikan iaitu proposal.

ii. Pengkaji memohon kebenaran membuat penyelidikan daripada Dekan, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

iii. Setelah mendapat kebenaran daripada Fakulti, pengkaji menghantar borang permohonan yang diisi dengan maklumat peribadi serta serba sedikit tentang kajian bersama dengan surat kelulusan Fakulti dan satu salinan proposal ke Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia.

iv. Setelah mendapat kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan KPM, pengkaji telah membuat permohonan kepada Jabatan Pelajaran Negeri Perak bagi mendapatkan kebenaran untuk menjalankan penyelidikan di sebuah sekolah di daerah Kinta Utara, Perak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

v. Setelah memperolehi kelulusan daripada JPN Perak, pengkaji menghantar surat kebenaran rasmi kepada Pengetua Sekolah.

vi. Pengkaji berjumpa dengan pengetua dan kaunselor untuk memberitahu tujuan dan meminta bantuan dari guru kelas tingkatan Dua untuk mencari subjek yang dikehendaki serta membuat temu janji.

vii. Pengkaji turut menerangkan tujuan kajian dan mengedarkan borang persetujuan kepada subjek dan ibu bapa mereka sebelum menjalani ujian Pra. Subjek dimaklumkan sama ada mereka dikategorikan sebagai kumpulan kawalan mahupun kumpulan rawatan.

viii. Dengan kerjasama kaunselor dan guru kelas sekolah berkenaan, pengkaji menyiapkan lapan sesi bagi setiap kumpulan rawatan dengan tujuan untuk meningkatkan daya tahan subjek kumpulan rawatan.

ix. Pengkaji membuat catatan dan mendapatkan data yang berkaitan tahap penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian pada peringkat ujian Pos bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

x. Membuat penganalisaan data yang melibatkan

xi. Menulis laporan akhir kajian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.11 Cara Pemarkatan

Kajian ini melibatkan dua pemboleh ubah bersandar iaitu Penghargaan Kendiri (PK) dan Motivasi Pencapaian (MP). Jantina pula adalah sebagai pemboleh ubah moderator

Penghargaan kendiri diukur dengan *Self -Esteem Index* (SEI) yang diwakili oleh 80 item yang terdiri dari 4 sub konstruk iaitu Penghargaan Kendiri Keluarga (PKK – 20 item), Perhargaan Kendiri Rakan Sebaya (PKR – 20 item), Penghargaan Kendiri Sekolah (PKS – 20 item) dan Penghargaan Kendiri Keselamatan Diri (PKL – 20 item). Respons kepada soal selidik ini adalah berdasarkan kepada 4 pilihan bergantung kepada sama ada item itu positif atau negatif.

Skor tertinggi bagi SEI adalah 320 dan skor terendah 80. Bagi PKK skor tertinggi adalah 80 dan skor terendah 20, skor tertinggi PKR adalah 80 dan skor terendah 20, skor tertinggi PKS adalah 80 dan skor terendah 20 dan skor tertinggi PKL adalah 80 dan skor terendah 20. Skor tinggi dalam SEI menunjukkan tahap PK tinggi dan skor rendah SEI menunjukkan tahap PK adalah rendah

Motivasi Pencapaian diukur dengan Ujian Motivasi Pencapaian (UMP) yang diwakili oleh 25 item . Respon kepada soal selidik ini adalah berdasarkan kepada lima mata pilihan 1 – 5 terhadap semua item. Skor maksimum yang boleh diperolehi menggunakan alat ukuran ini ialah 125 dan skor minimum ialah 25. Skor motivasi pencapaian tinggi adalah 88 hingga 125, skor motivasi pencapaian sederhana adalah 50 hingga 87 dan skor motivasi pencapaian rendah adalah kurang 49.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.12 Rangka Rawatan Intervensi

Dalam kajian ini, rawatan yang diberikan kepada kumpulan rawatan bagi meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian adalah kaunseling kelompok berstruktur. Model kaunseling kelompok yang digunakan adalah berasaskan Model Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (KKPR) yang dibangunkan oleh Mohammad Nasir (2006). Model ini lebih berorientasikan kepada tumpuan interpersonal iaitu bercirikan berikut: agak berstruktur, mengutamakan proses, menekankan aspek perkembangan, memberikan perhatian kepada masa kini di samping masa lalu dan masa akan datang klien.

Pemilihan aktiviti dalam model KKPR ini telah disesuaikan dengan tahap perkembangan proses kelompok dengan menggunakan pendekatan REBT. Aktiviti 'Siapa saya?', 'Puzzle', dan 'Membina etika kelompok' adalah bersesuaian dengan tahap satu iaitu membina hubungan. Aktiviti 'Graf kehidupan' adalah bersesuaian dengan tahap kedua iaitu mentafsir masalah dan situasi. Seterusnya aktiviti 'Mereka yang bermakna' dan 'Mengenali REBT' disesuaikan dengan tahap ketiga iaitu menyediakan ahli kelompok untuk proses terapi. Aktiviti 'Analisis rasional', 'mencabar sistem pemikiran tidak rasional' dan 'menyemak tugasan' bersesuaian dengan tahap keempat iaitu melaksanakan program rawatan. Pada tahap lima aktiviti 'Siapa saya 10 tahun akan datang & self asertif' dan 'Tangga matlamat' bersesuaian dengan mengatur strategi sokongan – melalui perancangan akademik dan kerjaya. Aktiviti 'Ucapan salam akhir' dan 'Rumusan' adalah bersesuaian dengan tahap keenam i aitu sesi penamatan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Model Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (KKPR) yang dibangunkan oleh Mohammad Nasir (2006) telah diguna pakai oleh beberapa pengkaji lain iaitu Mohd Ezuari (2008) dan Khairuz (2008). Model KKPR ini berjaya dilaksanakan dengan baik dan telah mencapai matlamat kajian. Pengkaji tidak melaporkan sebarang masalah yang timbul berkenaan dengan penggunaan model kaunseling kelompok tersebut.

Pendekatan yang akan digunakan dalam kaunseling kelompok adalah pendekatan Rasional Emotif Tingkah Laku (REBT). Asas pendekatan REBT adalah berfokus kepada kognitif, emotif dan tingkah laku klien. Dalam pendekatan ini, pelbagai kaedah yang digunakan untuk mengubah pemikiran, perasaan dan tingkah laku klien. Ia adalah pendekatan yang integratif dan menggunakan pelbagai metod seperti eksistensial, humanistik dan pendekatan teraputik yang lain, tetapi ia lebih menumpukan kepada dimensi kognitif dan tingkah laku klien (Corey, 2008).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dalam pendekatan REBT, terdapat tiga metod utama yang digunakan untuk membantu klien berfikir secara rasional dan sekaligus mengubah tingkah laku negatif iaitu metod kognitif, emotif dan tingkah laku. Di bawah merupakan rajah Metod REBT:

Kognitif	:	Mengajar konsep ABC
		Konfrantasi pemikiran tidak rasional
		Metod pendidikan
		Kerja rumah kognitif
Emotif	:	Penerimaan tanpa syarat
		Rational emotif imagery
		Penggunaan humor
		Mengatasi rasa malu
		Main peranan
Tingkah Laku	:	Kerja rumah
		Dendaan dan peneguhan
		Latihan kemahiran

Rajah 3.3 Metod REBT (Sumber : Corey, G. 2008)

3.12.1 Tahap Perkembangan Dalam Proses Kelompok

Model kaunseling kelompok REBT yang digunakan adalah berasaskan Model Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (KKPR) yang dibangunkan oleh Mohammad Nasir (2006). Model ini adalah berstruktur dan berorientasikan intervensi berbentuk

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

perkembangan. Terdapat 6 tahap berkesan dalam perkembangan proses terapi dengan menggunakan pendekatan REBT, iaitu,

i) Membina hubungan

ii) Mentaksir antara masalah, diri dan situasi

iii) Menyediakan klien untuk terapi

iv) Melaksanakan program rawatan

v) Mengatur strategi sokongan

vi) Penilaian dan penamatan

Berikut adalah penjelasan umum tentang tahap perkembangan dalam proses kelompok.

Tahap 1 : Membina Hubungan

1. Mewujudkan hubungan dengan menyediakan suasana dan syarat-syarat penghargaan seperti empati, kemesraan dan hormat.
2. Membina kepercayaan dan kemesraan sesama ahli dan ahli kelompok dengan kaunselor.
3. Menilai dan memerhatikan masalah sekunder tentang kehadiran mereka menyertai kelompok seperti tidak bersemangat, memerlukan bantuan dan kerisauan dalam menghadiri kelompok.
4. Mendedahkan mereka tentang langkah awal untuk membentuk perubahan dan menyakinkan bahawa melibatkan diri dalam kelompok memungkinkan mereka mencapai matlamat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Tahap 2 : Mentaksir antara masalah, diri dan situasi

1. Melalui pandangan klien, semak kerungsingan dan perkara yang tidak kena pada diri ahli kelompok.
2. Kenalpasti kekacauan klnikal yang berkaitan dan dapatkan latar belakang personal dan latar belakang sosial klien.
3. Menaksir perkara-perkara yang mendorong kepada masalah secara ekologikal. Contohnya keluarga, rakan-rakan, sekolah dan kejiranan.
4. Menyemak faktor-faktor penyebab bukan psikologikal seperti keadaan fizikal, perubatan, rawatan, penyalahgunaan bahan, cara hidup dan faktor-faktor persekitaran.

Tahap 3 : Menyediakan klien untuk terapi

1. Mengenalpasti matlamat terapi dalam kelompok.
2. Memperkenalkan asas REBT kepada klien dan model kesan akibat biopsikologikal.
3. Membincangkan pendekatan yang digunakan dan kesan daripada proses kaunseling kelompok.
4. Membina kontrak

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Tahap 4 : Melaksanakan program rawatan

1. Melakukan analisis rasional (rational analysis) iaitu dengan cara melihat episode-episode secara spesifik terhadap masalah-masalah yang berlaku seperti berikut ;

   A ⟶ B ⟶ C iaitu melihat kesan akibat A terhadap B dan melihat kesan akibat B terhadap C.

2. Mengenalpasti sistem kepercayaan klien berdasarkan kepada 4 tema dan mencabar sistem kepercayaantidak rasional klien.
3. Menyediakan tugasan untuk klien lakukan di luar kelompok.
4. Membangunkan tugasan perlakuan untuk menguangkan ketakutan atau mengubahsuai cara bertingkah laku.

Tahap 5 : Mengatur strategi sokongan

1. Fasa Penjelajahan –

   meliputi aspek meneroka matlamat diri, di mana meliputi membina matlamat diri, membina imaginasi rancang tindakan, meramal hasil tindakan dan menjelajah tentang maklumat akademik dan kerjaya.

2. Fasa Penapisan –

   menyusun langkah untuk menuju pemilihan yang lebih khusus dengan mengambil kira beberapa perkara iaitu nilai diri, matlamat diri, dan ganjaran yang diperolehi, dengan mengaitkannya dengan maklumat kerjaya yang telah diteroka sebelum ini.

3. Fasa Membuat Pilihan –

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Proses membuat pilihan sebenarnya bermula daripada sesuatu yang bersifat umum dan banyak pilihan kepada sesuatu yang khusus dan pasti. Pada fasa ini, dijangkakan telah timbul dalam diri seseorang keyakinan terhadap sesuatu pilihan akademik dan kerjaya yang dibuat.

Tahap 6 : Penilaian dan Penamatan

1. Menyediakan klien untuk sesi penamatan supaya dapat mengendalikan diri dengan baik apabila berdepan dengan situasi yang tertekan.
2. Membantu klien untuk mengendalikan diri apabila berhadapan dengan masalah berulang.
3. Menjelaskan kepada klien bahwa menjadi perkara biasa bahawa symptom masalah psikologikal akan berulang semula. Oleh itu, mereka perlu peka pada perubahan diri dan mengetahui apa yang perlu dilakukan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 3.8

*Rangka rawatan intervens*i

TAHAP	AKTIVITI
TAHAP 1 Membina Hubungan (120 minit)	1. Siapa saya? 2. Puzzle 3. Membina etika kelompok
TAHAP 2 Mentafsir Masalah dan Situasi (120 minit)	4. Graf kehidupan
TAHAP 3 Menyediakan Ahli Kelompok Untuk Proses Terapi (120 minit)	5. Mereka yang bermakna 6. Mengenali REBT
TAHAP 4 Melaksanakan Program Rawatan (240 minit)	7. Analisis rasional 8. Mencabar sistem pemikiran tidak rasional 9 Menyemak tugasan
TAHAP 5 Mengatur Strategi Sokongan – Melalui Perancangan Akademik dan Kerjaya (240 minit)	10. Siapa Saya 10 Tahun Akan Datang & Self Asertif 11. Tangga Matlamat
TAHAP 6 Sesi Penamatan (120 minit)	12 Ucapan Salam Akhir 13 Rumusan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.13 Penganalisaan Data Statistik

Dalam menganalisis data kajian eksperimen ini, data-data yang diperoleh daripada soal selidik di analisis berdasarkan tujuan dan hipotesis kajian. Tumpuan diberikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama melibatkan ujian Pra sahaja. Manakala peringkat kedua melibatkan data ujian Pra dan juga ujian Pos.

Untuk tujuan pengujian hipotesis, analisis data menggunakan ANCOVA. Data yang diperoleh akan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Data-data di analisis dengan menggunakan program *Statistical Packages For Social Science* (SPSS) versi 12.0.

3.13.1 Pengujian Hipotesis

Berikut adalah hipotesis atau persoalan yang dikaji dalam kajian ini dengan menggunakan analisis data seperti di dalam jadual 3.9 .

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 3.9

Pengujian Hipotesis Kajian

	Persoalan / Hipotesis	Analisis Data
Ho1	Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri dalam kalangan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan	ANCOVA
Ho2	Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos motivasi pencapaian umum dalam kalangan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan	ANCOVA
Ho3	Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri keluarga dalam kalangan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan	ANCOVA
Ho4	Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri rakan sebaya dalam kalangan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan	ANCOVA
Ho5	Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri sekolah dalam kalangan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan	ANCOVA
Ho6	Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri keselamatan diri dalam kalangan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan	ANCOVA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.14 Rumusan

Secara umumnya bab ini membincangkan tentang kaedah kajian serta kaedah pengumpulan dan analisis data. Kajian ini dijalankan berdasarkan metod kajian eksprimental keatas 32 murid tingkatan dua yang dipilih secara rawak bertujuan dan mempunyai ciri yang dikehendaki.Subjek diagehkan kepada dua kelompok kawalan dan dua kelompok rawatan.

Data kajian dikumpul dan dianalisis berdasarkan kepada kaeadah kuantitatif. Data dikumpul secara ujian pra dan ujian pos melalui laporan kendiri berdasarkan soal selidik yang terdiri daripada SEI dan Ujian Motivasi Pencapaian. Data tersebut seterusnya dianalisis menggunakan analisis min dan ANCOVA.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini adalah pembentangan dapatan kajian yang bertujuan untuk melihat kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur terhadap penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana. Pembentangan dapatan kajian berdasarkan analisis secara deskriptif dan statistik dengan mengukur data praujian dan posujian berdasarkan laporan kendiri melalui soal selidik ke atas 40 subjek (20 lelaki dan 20 perempuan).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2 ANALISIS DESKRIPTIF SUBJEK KAJIAN

Jadual 4.1

Data Demografi Subjek Kajian

Kumpulan	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Rawatan	10	10	20
Kawalan	10	10	20
Jumlah	20	20	40

Analisis aspek demografi subjek ditunjukkan dalam jadual 4.1. Data demografi akan ditaksirkan untuk mengekspresikan situasi sebenar subjek sebagai sampel kajian. Seramai 40 orang subjek yang terdiri daripada 20 orang pelajar lelaki dan 20 orang pelajar perempuan tingkatan dua. Subjek telah dibahagikan kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dengan menggunakan kaedah *pair random sampling* bagi memastikan subjek adalah homogen. Ini dibuktikan melalui analisis data praujian yang menunjukkan tiada perbezaan signifikan dalam min kedua-dua kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3 DAPATAN KAJIAN SECARA DESKRIPTIF

4.3.1 Perbezaan Min Praujian dan Posujian Pemboleh ubah Utama

Jadual 4.2

Ringkasan Analisis Min Mengukur Perbezaan Pemboleh Ubah Utama Antara Kelompok Berpandukan Data Praujian dan Posujian Subjek Keseluruhan

Pemboleh ubah	Kumpulan	Min Praujian	Min Posujian
Penghargaan Kendiri	Rawatan	213.90	230.05
	Kawalan	212.00	211.10
Motivasi Pencapaian	Rawatan	87.95	97.60
	Kawalan	87.05	84.75

Secara umumnya berdasarkan analisis deskriptif melalui perbandingan min menunjukkan berlakunya peningkatan dalam min Penghargaan Kendiri kumpulan rawatan. Skor min bagi kumpulan rawatan meningkat sebanyak 16.15 mata (pra 213.90; pos 230.05), manakala skor min bagi kelompok kawalan menurun sebanyak 0.9 mata (pra 212.00; pos 211.10). Perkara yang sama ditunjukkan dalam min Motivasi Pencapaian bagi kumpulan rawatan yang menunjukkan peningkatan sebanyak 9.65 mata (pra 87.95; pos 97.60), berbanding dengan kumpulan kawalan yang menurun sebanyak 2.3 mata (pra 87.05; pos

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

84.75). Ini menunjukkan secara deskriptif kaunseling kelompok berstruktur memberi kesan terhadap pemboleh ubah utama iaitu penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian.

4.3.2 Perbezaan Min Praujian dan Posujian Subkonstruk Penghargaan Kendiri

Jadual 4.3

Ringkasan Analisis Min Mengukur Perbezaan Subkonstruk Penghargaan Kendiri Antara Kelompok Berpandukan Data Praujian dan Posujian Subjek Keseluruhan

Pemboleh ubah	Kumpulan	Min Praujian	Min Posujian
Penghargaan Kendiri Keluarga (PKK)	Rawatan	52.90	57.05
	Kawalan	51.75	51.90
Penghargaan Kendiri Rakan Sebaya (PKR)	Rawatan	53.70	57.50
	Kawalan	53.45	53.35
Penghargaan Kendiri Sekolah (PKS)	Rawatan	59.95	63.35
	Kawalan	59.05	58.35
Penghargaan Kendiri Keselamatan (PKL)	Rawatan	47.35	52.15
	Kawalan	47.75	47.50

Perbandingan min praujian dan posujian subjek keseluruhan menunjukkan kumpulan rawatan mengalami peningkatan yang signifikan bagi semua subkonstruk penghargaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

kendiri iaitu PKK meningkat sebanyak 4.15 mata (praujian 52.90; posujian 57.05), PKR meningkat sebanyak 3.18 mata (praujian 53.70; posujian 57.50), PKS meningkat sebanyak 3.4 mata (praujian 59.95; posujian 63.35) dan PKL meningkat sebanyak 4.8 mata (praujian 47.35; posujian 52.15)

Bagi kumpulan kawalan pula tiada perubahan signifikan terhadap min praujian dan pos ujian subkonstruk penghargaan kendiri. PKK hanya meningkat sebanyak 0.15 mata (praujian 51.75; posujian 51.90), PKR hanya meningkat sebanyak 0.10 mata (praujian 53.45; posujian 53.35), manakala bagi PKS pula menurun sebanyak 0.7 mata (praujian 59.05; posujian 58.35) dan PKL juga menurun sebanyak 0.25 mata (praujian 47.75; posujian 47.50)

Jadual di atas menunjukkan tren mata perubahan skor min praujian dan posujian subkonstruk penghargaan kendiri bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan menunjukkan tren peningkatan yang ketara berbanding dengan kumpulan kawalan. Secara deskriptif dapat dirumuskan kaunseling kelompok berstruktur memberi kesan terhadap pemboleh ubah subkonstruk penghargaan kendiri iaitu penghargaan kendiri keluarga, penghargaan kendiri rakan sebaya, penghargaan kendiri sekolah dan penghargaan kendiri keselamatan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.4 KEPUTUSAN ANALISIS STATISTIK

Keputusan analisis statistik dibentangkan dalam dua bahagian iaitu keputusan analisis data praujian dan pengujian hipotesis.

4.4.1 Analisis Data Praujian

Sebelum melakukan sebarang jenis intervensi, tumpuan utama pengkaji adalah untuk memastikan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan dalam kalangan subjek berdasarkan kelompok, sama ada kelompok rawatan atau kelompok kawalan dengan cara mengukur perbezaan skor min setiap pemboleh ubah bersandar pada peringkat praujian antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Oleh itu, untuk tujuan tersebut, ujian-t digunakan untuk mengukur perbezaan min kedua-dua kelompok pada ukuran praujian di kalangan subjek keseluruhan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.4.1.1 Perbezaan pemboleh ubah bersandar antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam praujian subjek keseluruhan

Jadual 4.4

Ringkasan Analisis Statistik Ujian-T Mengukur Perbezaan Pemboleh ubah Utama Antara Kelompok Berpandukan Data Praujian Subjek Keseluruhan

Pemboleh ubah	Kumpulan	Min	SP	DK	t	Sig.
Motivasi Pencapaian	Rawatan	87.950	6.589	38	.441	.662
	Kawalan	87.050	6.320			
Penghargaan Kendiri	Rawatan	213.900	12.752	38	.474	.638
	Kawalan	212.000	12.603			

Terdapat dua pemboleh ubah bersandar utama dalam kajian ini iaitu motivasi pencapaian (MP) dan penghargaan kendiri (PK). Jadual 4.4 menunjukkan hasil analisis statistik ujian-t data laporan kendiri peringkat praujian terhadap semua pemboleh ubah utama. Keputusan analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran praujian motivasi pencapaian dan penghargaan kendiri antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Penghargaan kendiri (PK) pula terdiri daripada empat subkonstruk iaitu penghargaan kendiri keluarga (PKK), penghargaan kendiri rakan sebaya (PKR) penghargaan kendiri sekolah (PKS) dan penghargaan kendiri keselamatan(PKL). Jadual 4.5 menunjukkan hasil analisis statistik ujian-t data laporan kendiri peringkat praujian terhadap empat subkonstruk penghargaan kendiri tersebut. Keputusan analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran praujian penghargaan kendiri keluarga, penghargaan kendiri rakan sebaya penghargaan kendiri sekolah dan penghargaan kendiri keselamatan antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan di kalangan subjek keseluruhan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.5

Ringkasan Analisis Statistik Ujian-T Mengukur Perbezaan Subkonstruk Penghargaan Kendiri Antara Kelompok Berpandukan Data Praujian Subjek Keseluruhan

Pemboleh ubah	Kumpulan	Min	SP	DK	t	Sig.
PKK	Rawatan	52.900	3.945	38	.908	.370
	Kawalan	51.750	4.064			
PKR	Rawatan	53.700	4.691	38	.194	.847
	Kawalan	53.450	3.347			
PKS	Rawatan	59.950	4.501	38	.527	.602
	Kawalan	59.050	6.176			
PKL	Rawatan	47.350	7.875	38	-.183	.856
	Kawalan	47.750	5.775			

Berdasarkan kepada Jadual 4.4 dan 4.5, menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran praujian motivasi pencapaian dan penghargaan kendiri serta subkonstruk penghargaan kendiri (PK) iaitu PKK, PKR, PKS dan PKL antara kedua-dua kelompok rawatan dan kawalan pada ukuran praujian di kalangan subjek keseluruhan. Kedua-dua kumpulan adalah bersifat homogen berdasarkan semua pemboleh ubah bersandar kajian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.4.2 Pengujian Hipotesis

Pengujian dan keputusan analisis dalam bahagian ini disusun mengikut susunan hipotesis. Terdapat 3 kumpulan subjek kajian iaitu subjek keseluruhan, subjek lelaki dan subjek perempuan. Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur (KKB) terhadap penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian terhadap ukuran min praujian dan posujian semua pemboleh ubah bersandar antara jenis kelompok ke atas ukuran min posujian kesemua pemboleh ubah bersandar dilihat berdasarkan kepada kumpulan subjek.

4.4.2.1 Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur ke atas semua pemboleh ubah bersandar dalam praujian dan posujian

Untuk melihat kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur terhadap semua pemboleh ubah bersandar, beberapa hipotesis utama telah dibentuk iaitu;-

Ho1 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

Ho2 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos motivasi pencapaian umum dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

Ho3 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri keluarga dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

Ho4 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri rakan sebaya dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Ho5 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri sekolah dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

Ho6 Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min ujian pra dan ujian pos ujian pra dan ujian pos penghargaan kendiri keselamatan diri dalam kalangan kumpulan rawatan lelaki, kumpulan rawatan perempuan dan kumpulan kawalan

Hasil daripada pengujian Hipotesis Alternatif dapat dilihat berdasarkan Jadual 4.6 di bawah.

Jadual 4.6

Ringkasan Analisis ANCOVA Melihat Kesan KKKB Terhadap Min Praujian dan Posujian MP dan PK Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Subjek Keseluruhan

Sumber	**Pemboleh ubah Bersandar**	**JKD**	**Dk**	**MKD**	**F**	**Sig.**
PK praujian	PK posujian	1442.393	1	1442.393	17.830	.000
MP praujian	MP posujian	544.871	1	544.871	25.618	.000

* k < .05

Jadual 4.6 adalah keputusan kajian berdasarkan analisis ANCOVA menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara min praujian dengan min posujian semua pemboleh ubah bersandar utama iaitu penghargaan kendiri (PK) pada nilai F (1,29) = 17.830(k < .05) ; dan motivasi pencapaian(MP) pada nilai F (1,29) = 25.618 (k < .05)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Keputusan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan min posujian bagi motivasi pencapaian(MP) dan penghargaan kendiri (PK) mengikut kelompok yang berbeza (iaitu k < .05). Memandangkan ianya adalah signifikan, maka ujian *Post-Hoc* perlu dilakukan.

Dengan keputusan kajian tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa rawatan KKB yang dilakukan terhadap kelompok rawatan memberi kesan yang signifikan terhadap semua pemboleh ubah bersandar utama iaitu motivasi pencapaian dan penghargaan kendiri di kalangan subjek keseluruhan. Oleh itu Hipotesis 1 dan 2 di atas adalah tidak diterima.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 4.7

Ringkasan Analisis ANCOVA Melihat Kesan KKKB Terhadap Min Praujian dan Posujian Subkonstruk PK Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Subjek Keseluruhan

Sumber	**Pemboleh ubah Bersandar**	**JKD**	**Dk**	**MKD**	**F**	**Sig.**
PKK praujian	PKK posujian	78.683	1	78.683	5.785	.021
PKR praujian	PKR posujian	216.658	1	216.658	17.651	.000
PKS praujian	PKL posujian	98.900	1	98.900	4.823	.035
PKL praujian	PKL posujian	683.221	2	683.221	23.110	.000

* k < .05

Hasil daripada pengujian Hipotesis 3 hingga 6 dapat dilihat berdasarkan jadual 4.7. Jadual 4.7 adalah keputusan kajian berdasarkan analisis ANCOVA yang menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara min praujian dengan min posujian dalam semua subkonstruk PK iaitu penghargaan kendiri keluarga (PKK) pada nilai F (1,29) = 5.785 (k < .05); penghargaan kendiri rakan sebaya (PKR) pada nilai F (1,29) =

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

17.651 (k < .05); penghargaan kendiri sekolah (PKS) pada nilai F (1,29) = 4.823 (k < .05) dan penghargaan kendiri keselamatan (PKL) pada nilai F (1,29) = 23.110 (k < .05).

Keputusan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan min posujian bagi semua subkonstruk penghargaan kendiri (PK) mengikut kelompok yang berbeza (iaitu k < .05). Memandangkan ianya adalah signifikan, maka ujian Post-Hoc perlu dilakukan terhadap subkonstruk pemboleh ubah tersebut.

Dengan keputusan kajian tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa rawatan KKB yang dilakukan terhadap kelompok rawatan memberi kesan yang signifikan terhadap semua subkonstruk penghargaan kendiri (PK) di kalangan subjek keseluruhan. Oleh itu semua Hipotesis 3 hingga 6 adalah tidak diterima.

Berdasarkan keputusan kajian yang ditunjukkan dalam jadual 4.6 dan jadual 4.7 di atas maka kesimpulannya, Hipotesis 1 hingga 6: Terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pemboleh ubah Bersandar iaitu motivasi pencapaian dan penghargaan kendiri (PK) serta subkonstruk PK iaitu penghargaan kendiri keluarga (PKK), penghargaan kendiri rakan sebaya (PKR) penghargaan kendiri sekolah (PKS) dan penghargaan kendiri keselamatan(PKL) kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan keseluruhan, adalah tidak diterima.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.4.2.2 Kesan Jenis Rawatan Terhadap Pemboleh ubah Bersandar Dalam Posujian

Berdasarkan keputusan kajian yang ditunjukkan dalam 4.4.2.1 di atas maka keseluruhan hipotesis alternatif 1 hingga hipotesis alternatif 6 adalah tidak diterima. Analisis ANCOVA telah membuktikan bahawa terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran praujian dan posujian semua pemboleh ubah bersandar iaitu motivasi pencapaian dan penghargaan kendiri, serta semua subkonstruk penghargaan kendiri iaitu penghargaan kendiri keluarga (PKK), penghargaan kendiri rakan sebaya (PKR) penghargaan kendiri sekolah (PKS) dan penghargaan kendiri keselamatan(PKL) kelompok rawatan dibandingkan dengan kelompok kawalan di kalangan subjek keseluruhan,. Justeru analisis perbandingan *Post Hoc* jenis *Tukey* dilakukan untuk menguji kesan jenis rawatan iaitu kelompok subjek lelaki dan subjek perempuan dan kelompok kawalan terhadap semua pemboleh ubah bersandar, dan semua subkonstruk penghargaan kendiri dalam posujian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 4.8

Ringkasan Analisis Post Hoc – Tukey Perbezaan Min Posujian Antara Jenis Rawatan kelompok subjek lelaki dan subjek perempuan dan Kelompok Kawalan Dalam Pemboleh ubah Bersandar Utama Subjek Keseluruhan

Pemboleh ubah	**Jenis Kelompok**		**Perbezaan Min (I – J)**	**Sig.**
	I	**J**		
PK	R1	R2	2.1000	.902
	R1	K	20.0000*	.000
	R2	K	17.9000*	.000
MP	R1	R2	-2.0000	.735
	R1	K	11.8500*	.000
	R2	K	13.8500*	.000

* k < .05

Hasil analisis menggunakan ujian Post Hoc – Tukey data pos ujian dalam Jadual 4.8 menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara kelompok rawatan lelaki (R1) dengan kelompok rawatan perempuan (R2); Namun begitu terdapat perbezaan signifikan antara kelompok rawatan lelaki (R1) dengan kelompok kawalan (K); dan antara kelompok rawatan perempuan (R2) dengan kelompok kawalan (K) ke atas semua pemboleh ubah bersandar utama iaitu motivasi pencapaian (MP) dan penghargaan kendiri(PK) subjek keseluruhan. Sehubungan itu semua hipotesis yang berkaitan, iaitu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

hipotesis nol adalah tidak diterima. Faktor jantina tidak mempengaruhi rawatab terhadap pemboleh ubah penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian

Jadual 4.9

Ringkasan Analisis Post Hoc – Tukey Perbezaan Min Posujian Antara Jenis Rawatan kelompok subjek lelaki dan subjek perempuan dan Kelompok Kawalan Dalam Semua Subkonstruk Penghargaan Kendiri

Pemboleh ubah	**Jenis Kelompok**		**Perbezaan Min (I – J)**	**Sig.**
	I	**J**		
PKK	R1	R2	1.3000	.740
	R1	K	5.8000*	.001
	R2	K	4.5000*	.014
PKR	R1	R2	1.0000	.857
	R1	K	4.6500*	.019
	R2	K	3.6500	.079
PKS	R1	R2	-2.1000	.589
	R1	K	3.9500	.095
	R2	K	6.0500*	.006
PKL	R1	R2	1.9000	.811
	R1	K	5.6000	.103
	R2	K	3.7000	.356

* k < .05

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Hasil analisis menggunakan ujian Post Hoc – Tukey dalam Jadual 4.9 menunjukkan terdapat perbezaan signifikan min posujian semua subkonstruk penghargaan kendiri iaitu penghargaan kendiri keluarga (PKK), penghargaan kendiri rakan sebaya (PKR) penghargaan kendiri sekolah (PKS) dan penghargaan kendiri keselamatan(PKL) antara kelompok rawatan lelaki (R1) dengan kelompok rawatan perempuan (R2); antara kelompok rawatan lelaki (R1) dengan kelompok kawalan (K); dan antara kelompok rawatan perempuan (R2) dengan kelompok kawalan (K) subjek keseluruhan. Berdasarkan kepada hasil analisis tersebut yang ditunjukkan dalam Jadual 4. 9, maka semua hipotesis nol 4 - 6 dalam kajian ini adalah tidak diterima.

Berdasarkan 4.4.2.2. iaitu analisis perbandingan *Post Hoc jenis Tukey* dalam menguji kesan jenis rawatan iaitu kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dan kelompok kawalan terhadap semua pemboleh ubah bersandar, dan semua subkonstruk daya tahan, kecekapan sosial dan penghargaan kendiri dalam posujian, maka rumusan hasil kajian yang diperolehi adalah seperti berikut;-

Terdapat perbezaan signifikan min posujian semua pemboleh ubah bersandar utama iaitu motivasi pencapaian dan penghargaan kendiri antara kelompok rawatan lelaki dengan kelompok rawatan perempuan ke atas di kalangan subjek keseluruhan, subjek lelaki dan subjek perempuan. Skor min kelompok rawatan perempuan didapati lebih tinggi berbanding skor min kelompok rawatan lelaki bagi semua pemboleh ubah bersandar tersebut.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Hasil kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan signifikan min posujian semua subkonstruk penghargaan kendiri rakan sebaya antara kelompok rawatan lelaki dengan kelompok rawatan perempuan di kalangan subjek keseluruhan, subjek lelaki dan subjek perempuan. Skor min kelompok rawatan perempuan juga didapati lebih tinggi berbanding skor min kelompok rawatan lelaki bagi semua subkonstruk tersebut.

4.5 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kepada analisis ANCOVA, keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara skor min praujian dengan skor min posujian dalam semua pemboleh ubah bersandar utama kajian iaitu motivasi pencapaian dan penghargaan kendiri. di kalangan subjek secara keseluruhan, subjek lelaki dan subjek perempuan. Keputusan kajian ini membuktikan KKB didapati berkesan dalam meningkatkan motivasi pencapaian dan penghargaan kendiri.

Seterusnya berdasarkan analisis Post Hoc jenis Tukey, keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan min posujian semua pemboleh ubah bersandar utama iaitu motivasi pencapaian dan penghargaan kendiri, serta semua subkonstruk penghargaan kendiri iaitu penghargaan kendiri keluarga, penghargaan kendiri rakan sebaya, penghargaan kendiri sekolah dan penghargaan kendiri keselamatan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

antara kelompok rawatan lelaki dengan kelompok rawatan perempuan di kalangan subjek keseluruhan, subjek lelaki dan subjek perempuan. Dapatan kajian tersebut membuktikan KKB yang dijalankan secara kelompok rawatan perempuan lebih berkesan berbanding KKB yang dijalankan secara kelompok rawatan lelaki.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

.

BAB LIMA

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Dalam bab akhir ini perbincangan dibuat terhadap rumusan dapatan kajian eksperimen yang telah dikemukakan dalam Bab 4. Perbincangan tentang alat ukuran meliputi penggunaan KKB serta alat ukuran SEI dan Ujian Motivasi Pencapaian.

Dalam bahagian implikasi pula penyelidik telah menghuraikan dari sudut implikasi teoretikal dan aplikasi praktikal. Berdasarkan kepada dapatan kajian, penyelidik

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

juga mengemukakan beberapa cadangan yang konkrit kepada pihak-pihak tertentu dan sebagai kajian lanjutan bagi meningkatkan lagi kualiti hasil penulisan kajian ini.

5.2 SINOPSIS KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana keberkesanan kaunseling kelompok berstruktur berteraskan modul REBT dapat meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian pelajar pencapaian akademik sederhana. Kajian ini telah menggunakan dua alat ukuran kajian iaitu Self Esteem Index (SEI) dan Ujian Motivasi Pencapaian. Dalam Bab 1 dan 3 penyelidik telah membincangkan beberapa aspek penting berkaitan alat ukuran kajian secara lebih terperinci. Antara aspek yang telah dibincangkan adalah seperti, asas teori yang digunakan untuk membina alat ukuran kajian, rujukan pandangan pengkaji-pengkaji berkaitan pembinaan alat ukuran kajian, model proses membina alat ukuran kajian serta tatacara untuk menguji kesahan kandungan alat ukuran.

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian intervensi pencegahan dan rawatan kajian. Kajian dijalankan terhadap subjek kajian terdiri daripada kumpulan pelajar lelaki dan perempuan yang mendapat pencapaian akademik sederhana di sebuah sekolah di daerah Kinta Utara. Kajian eksperimen ini memilih sampel yang kecil kerana kajian ini melibatkan penilaian tingkah laku sampel dalam kaunseling kelompok berhubung dengan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian mereka.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Seterusnya subjek diagihkan kepada empat kelompok berdasarkan teknik rawak secara berpasangan (*pair random sampling*) iaitu kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan, kelompok kawalan lelaki dan kelompok kawalan perempuan. Ini dilakukan untuk memastikan kesemua subjek mempunyai ciri-ciri subjek yang setara dan bilangan yang sama.

Dalam kajian ini, rawatan yang diberikan kepada kumpulan rawatan bagi meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian adalah kaunseling kelompok berstruktur. Pendekatan yang digunakan dalam kaunseling kelompok adalah pendekatan Rational Emotif Tingkah Laku (REBT). Asas pendekatan REBT adalah berfokus kepada kognitif, emotif dan tingkah laku klien. Dalam pendekatan ini, pelbagai kaedah yang digunakan untuk mengubah pemikiran, perasaan dan tingkah laku klien.

Keputusan kajian secara umumnya menunjukkan terdapat kesan signifikan kaunseling kelompok keatas semua pemboleh ubah bersandar iaitu motivasi pencapaian dan penghargaan kendiri .

5.3 PERBINCANGAN

Keputusan kajian ini telah menunjukkan bahawa intervensi Kaunseling Kelompok Berstruktur berpandukan KKB yang telah digunakan berkesan dalam meningkatkan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian pelajar pencapaian akademik sederhana adalah signifikan. Ini menunjukkan gabungan pendekatan kaunseling Rational Emotif Tingkah Laku (REBT) yang dijalankan telah memberi kesan yang positif bagi meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian di kalangan pelajar kumpulan rawatan.

5.3.1 Kesan KKB Terhadap Penghargaan kendiri

Keputusan kajian ini menunjukkan KKB yang dilaksanakan cukup berkesan dalam meningkatkan penghargaan kendiri di kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana. Secara deskritif min posujian dan praujian kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu 16.5 mata berbanding dengan kumpulan kawalan menurun 0.9 mata. Data statistik melalui analisis ANCOVA menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara min praujian dan min posujian iaitu pada nilai $F(1,29) = 17.830$ ($k <$ .05). Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Salmiah, Rusnani & Asmah (2005) yang dijalankan untuk menentukan samada terdapat kesan kelompok bimbingan ke atas konsep kendiri dan pencapaian akademik pelajar sederhana pencapaian. Kajian mencadangkan agar aktiviti kelompok bimbingan meliputi bimbingan peningkatan konsep kendiri dan bimbingan kemahiran belajar dijalankan secara bersepadu agar konsep kendiri dan pencapaian akademik pelajar dapat dipertingkatkan

Kajian ini juga selaras kajian oleh Lum (2002) yang menunjukkan subjek dalam kumpulan rawatan telah memperolehi peningkatan konsep kendiri keseluruhan dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

beberapa sub-skala konsep kendiri (moral, personal, sosial dan akademik). Tidak ada perbezaan signifikan terhadap konsep kendiri di kalangan subjek dalam kumpulan rawatan. Keputusan kajian ini telah menyokong persoalan kajian ini, bahawa kaunseling kelompok boleh meningkatkan konsep kendiri para peserta.

Dapatan bagi kesan bimbingan kelompok terhadap penghargaan kendiri ini menunjukkan terdapat peningkatan yang positif. Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian-kajian Siti Khazimah (2000), Mohammad Nasir (2006) dan Khairuz (2008), yang mendapati bimbingan kelompok dapat meningkatkan penghargaan kendiri.

Menurut Teori Maslow, *esteem* atau konsep kendiri mempunyai kaitan dengan sejauh mana seseorang itu menghargai dirinya sendiri. Satu unsur besar dalam pembinaan konsep kendiri adalah penerimaan. Penerimaan bermaksud menghargai sifat-sifat istimewa individu sebagai manusia unik yang bebeza dengan individu lain dari segi sikap, pengetahuan dan kemahiran. Penerimaan bererti memberi peluang kepada individu belajar menerima diri mereka sendiri. Penerimaan rakan sebaya penting supaya mereka tidak merasa tersingkir. KKB memberi peluang kepada subjek untuk merasai dirinya diterima oleh ahli kelompok

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.3.2 Kesan KKB Terhadap Motivasi Pencapaian

Dapatan kajian menunjukkan perbezaan signifikan kesan kaunseling kelompok berstruktur terhadap motivasi pencapaian di kalangan pelajar kumpulan rawatan. Secara deskriptif min posujian dan praujian kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu 9.65 mata berbanding dengan kumpulan kawalan menurun 2.3 mata. Data statistik melalui analisis ANCOVA menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara min praujian dan min posujian iaitu pada nilai $F(1,29) = 25.618$ ($k < .05$).

Teori motivasi pencapaian McClelland telah menerangkan tentang keinginan untuk menghasilkan satu tugasan pencapaian dalam bentuk dua faktor atau motif, iaitu motif untuk mencapai kejayaan dan motif untuk mengelak kegagalan. Motif untuk mencapai kejayaan didefinisikan sebagai satu kejayaan untuk bertindak balas dengan rasa bangga terhadap sesuatu pencapaian. Kaunseling kelompok berstruktur telah berjaya mengukuhkan dua faktor ini

Kajian ini disokong oleh kajian oleh Zaharah (2000) yang menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar tingkatan empat dan mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara motivasi pencapaian dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Dapatan kajian ini juga didapati selaras dengan kajian Ahmad Saufie (1996) yang menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara motivasi pencapaian dengan jantina. Dapatan kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

motivasi pencapaian dengan jantina dalam kumpulan rawatan. Ini menggambarkan jantina bukanlah faktor yang utama dalam meningkatkan motivasi.

5.3.3 Kesan KKB Terhadap Penghargaan Kendiri Keluarga

Hasil kajian bagi kesan kaunseling kelompok terhadap penghargaan kendiri keluarga pula telah memberi impak positif . Secara deskritif min posujian dan praujian kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu 4.15 mata berbanding dengan kumpulan kawalan 0.15 mata sahaja. Data statistik melalui analisis ANCOVA menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara min praujian dan min posujian iaitu pada nilai $F(1,29) = 5.785$ ($k < .05$).

Siti Khazimah (2000) pula cuba melihat keberkesanan kaunseling kelompok terhadap konsep kendiri dan motivasi pencapaian pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat yang terlibat dengan salahlaku ponteng sekolah. Dapatan kajiannya membuktikan kaunseling kelompok berjaya meningkatkan konsep kendiri keluarga para pelajar kumpulan eksperimen

Justeru itu, dapatan kajian ini mendapati KKB amat berkesan dalam mengatasi permasalahan tersebut dengan meningkatkan konsep kendiri pelajar di mana pelajar melihat segala permasalahan itu boleh diatasi dengan berfikiran positif dan berusaha mengatasi permasalahan yang timbul dengan rasional dan bijak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.3.4 Kesan KKB Terhadap Penghargaan Kendiri Rakan Sebaya

Hasil dapatan secara deskritif min posujian dan praujian kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu 3.8 mata berbanding dengan kumpulan kawalan 0.10 mata. Data statistik melalui analisis ANCOVA menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara min praujian dan min posujian iaitu pada nilai $F(1,29) = 17.651$ ($k < .05$). Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian oleh Mohammad Nasir (2006) yang menunjukkan kaunseling kelompok didapati berkesan dalam meningkatkan penghargaan kendiri di kalangan subjek keseluruhan. Dapatan kajian tersebut dikukuhkan dengan pengujian hipotesis sub konstruk penghargaan kendiri yang menunjukkan kaunseling kelompok meningkatkan penghargaan kendiri rakan sebaya kelompok rawatan dibandingkan dengan kelompok kawalan. Analisis kesan kaunseling kelompok dalam meningkatkan penghargaan kendiri disokong melalui analisis secara kualitatif.

Azizi Yahya (2005) menyatakan satu unsur besar dalam pembinaan konsep kendiri adalah penerimaan. Penerimaan oleh keluarga, guru dan rakan sebaya amatlah penting. Penerimaan oleh rakan sebaya adalah penting kepada pelajar pada peringkat umur remaja supaya mereka tidak merasa disingkirkan. Pelajar yang diterima kerap kali memperolehi prestasi akademik yang tinggi berbanding individu yang tidak diterima oleh rakan sebaya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.3.5 Kesan KKB Terhadap Penghargaan Kendiri Sekolah

Secara deskritif min posujian dan praujian kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu 3.4 mata berbanding dengan kumpulan kawalan menurun 0.7 mata. Data statistik melalui analisis ANCOVA menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara min praujian dan min posujian iaitu pada nilai $F(1,29) = 4.823$ ($k < .05$).

Elbaum dan Vaugha dalam Mohammad Nasir (2006) yang telah menjalankan kajian meta-analisis tentang kesan pelbagai pendekatan intervensi berasaskan sekolah untuk meningkatkan konsep kendiri dikalangan pelajar-pelajar sekolah yang menghadapi masalah pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhannya pelajar-pelajar sekolah peringkat sekolah menengah mendapat lebih faedah daripada proses intervensi berbanding pelajar-pelajar peringkat sekolah rendah dan peringkat sekolah tinggi. Intervensi kaunseling dilihat lebih berkesan daripada pendekatan lain di kalangan pelajar sekolah menengah dan pelajar sekolah tinggi, manakala inetvensi yang menumpukan kepada kemahiran belajar didapati lebih berkesan di kalangan pelajar sekolah rendah yang mengalami masalah pembelajaran.

Kajian ini juga selaras dengan dapatan kajian oleh Khairuz (2008) yang menunjukkan kaunseling kelompok berstruktur berkesan untuk meningkatkan persepsi terhadap keluarga, penghargaan kendiri serta menurunkan kadar kemurungan pelajar-pelajar ibu bapa bercerai. Kaunseling kelompok berstruktur yang telah dijalankan keatas subjek telah menguatkan nilai dan penerimaan mereka terhadap keperluan untuk berada

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

disekolah dan belajar. Justeru, keputusan kajian ini telah menunjukkan bahawa KKB didapati berkesan dalam meningkatkan konsep kendiri sekolah yang lebih positif seterusnya mengurangkan tekanan terhadap pelajar pencapaian akademik sederhana.

5.3.6 Kesan KKB Terhadap Penghargaan Kendiri Keselamatan Diri

Dapatan kajian ini secara deskritif mendapati min posujian dan praujian kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu 16.5 mata berbanding dengan kumpulan kawalan. Data statistik melalui analisis ANCOVA menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara min praujian dan min posujian iaitu pada nilai $F(1,29) = 23.110$ ($k < .05$). Dapatan ini telah disokong oleh kajian Reid (1985) yang melihat, ada dua sebab utama berlakunya ponteng sekolah iaitu kurikulum kebangsaan yang begitu keras dan tekanan berterusan ke atas remaja di sekolah. Dapatan kajian ini menunjukkan tekanan keatas remaja berkurangan dengan sesi kaunseling kelompok berstruktur. Mereka merasakan keselamatan diri mereka lebih terjamin dengan berkongsi dan berbincang dalam sesi yang dijalankan.

Munawara (2008) telah menjalankan kajian yang menunjukkan kelompok bimbingan berkesan untuk meningkatkan konsep kendiri iaitu identiti kendiri, kepuasan kendiri dan kendiri tingkah laku. Secara umumnya, dapatan kajian ini menunjukkan pendekatan kelompok bimbingan berkesan dalam meningkatkan konsep kendiri di kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana. Oleh itu, hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa KKB berkesan dalam pembentukan konsep kendiri pelajar

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pencapaian akademik sederhana di mana mereka melihat keupayaan diri ke arah yang lebih positif dan berasa selamat dan seronok bersekolah serta tiada gangguan emosi yang berlaku.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan kaedah bimbingan kelompok menggunakan KKB telah berjaya meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian pelajar pencapaian akademik sederhana kumpulan rawatan. Penggunaan pendekatan REBT dalam KKB mampu memupuk kepercayaan dan keyakinan dalam diri mereka walau dalam apa jua keadaan sekali pun

5.4 IMPLIKASI

Berdasarkan dapatan kajian yang telah diperoleh, beberapa implikasi kajian telah di kenal pasti berkenaan dengan kesan kelompok bimbingan terhadap penghargaan kendiri pelajar ponteng. Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan implikasi yang di anggap penting iaitu implikasi terhadap pihak sekolah dan unit bimbingan dan kaunseling, implikasi terhadap ibu bapa dan masyarakat serta implikasi terhadap pelajar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.4.1 Implikasi terhadap Bidang Keilmuan Bimbingan dan Kaunseling

Kaunseling merupakan suatu proses membantu seseorang untuk memahami masalah yang dihadapi dan seterusnya membolehkan seseoang itu berkembang dengan baik. Kajian rawatan kaunseling kelompok KKB yang telah dijalankan di kalangan pelajar pencapaian akademik sederhana telah memberi sumbangan yang bermakna kepada kajian-kajian yang lepas dan yang akan datang sama ada secara umum atau spesifik. Melalui kajian yang dijalankan ini, ia mampu memberi kesan terhadap bidang keilmuan bimbingan dan kaunseling di Malaysia kerana dapatan kajian ini dapat membantu menambahkan ilmu pengetahuan dan bahan kajian dalam bidang kaunseling.

Pendekatan yang digunakan dalam kaunseling kelompok adalah pendekatan Rational Emotif Tingkah Laku (REBT). Asas pendekatan REBT adalah berfokus kepada kognitif, emotif dan tingkah laku klien. Dalam pendekatan ini, pelbagai kaedah yang digunakan untuk mengubah pemikiran, perasaan dan tingkah laku klien. Apabila seseorang tidak dapat mencapai tahap penghargaan kendiri yang dikehendaki, ada kemungkinan akan berlakulah gangguan psikologi yang mungkin akan merosakkan individu tersebut ke arah emosi, pemikiran dan perlakuan yang negatif.

Secara umumnya, kajian ini memasukkan kedua-dua teknik iaitu membetulkan sistem kepercayaan dengan menggunakan teori REBT dan meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pelajar melalui modul peningkatan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian. Teknik ini dilaksanakan dalam kelompok berstruktur kerana

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

didapati ia adalah lebih mudah dilaksanakan. Setiap sesi kelompok dapat dijalankan dengan sistematik, iaitu setiap sesi mempunyai matlamat dan objektif khusus yang perlu dicapai. Oleh itu, hasil rawatan kaunseling kelompok KKB dalam kajian yang dijalankan ini dapat memantapkan lagi bidang kaunseling dan meningkatkan tahap profesionalisme seiring dengan bidang professional lain. Kajian ini juga dapat mempelbagaikan lagi kaedah atau intervensi dalam bidang kaunseling bagi membantu lebih ramai pelajar yang turut menghadapi masalah yang sama.

Berdasarkan kepada kajian-kajian eksperimental yang lalu, sama ada dari dalam atau luar negara, adalah didapati terlalu banyak usaha yangdilakukan berdasarkan pendekatan intervensi secara pemulihan untuk merawat pelbagai masalah tingkah laku. Hasil daripada kajian-kajian tersebut menunjukkan intervensi secara pemulihan didapati berkesan dalam merawat dan mengurangkan pelbagai masalah tingkah laku dan pembelajaran. Walau bagaimanapun tidak semua perlakuan bermasalah dapt dipulihkan dengan mudah menerusi pendekatan intervensi secara pemulihan terutamanya yang melibatkan kes-kes yang agak kronik seperti kes penagihan dadah (Mohammad Nasir, 2006). Justeru itu kajian eksperimental secara intervensi peringkat awal yang berbentuk perkembangan dan pencegahan seperti kajian ini bolah menjadi dimensi baru dalam amalan kaunseling, khususnya di negara ini dengan menekankan kepada usaha mencegah sesuatu perlakuan bermasalah pada peringkat awal, iaitu mencegah adalah lebih baik dari mengubati.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.4.2 Implikasi terhadap pihak sekolah dan unit bimbingan dan kaunseling sekolah

Kajian yang dilaksanakan juga dapat memberi kesan kepada pihak sekolah. Hasil positif yang ditunjukkan dalam dapatan kajian ini memberi keyakinan dan kepercayaan kepada pihak sekolah tentang keberkesanan kaunseling kelompok menggunakan KKB sebagai salah satu cara bagi mengatasi permasalahan pelajar. Hasil kajian ini boleh menyedarkan pihak sekolah tentang pentingnya penghargaan kendiri yang positif dan mempunyai tahap motivasi pencapaian yang tinggi menyumbang ke arah perkembangan yang positif. Justeru, setiap personel sekolah turut memainkan peranan penting bagi membantu pelajar dalam meningkatkkan penghargaan kendiridan motivasi pencapaian mereka.

Selain itu, unit bimbingan dan kaunseling sekolah boleh mengaplikasikan atau menambahbaik modul KKB yang telah digunakan dalam kajian ini. Unit bimbingan dan kaunseling sekolah juga boleh menghasilkan pelbagai modul baru untuk diaplikasikan dalam bimbingan kelompok dan bersesuaian dengan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar. Kaunselor sekolah boleh menggunakan kajian ini sebagai sumber rujukan dalam merancang, melaksanakan dan menilai aktiviti serta program yang bermatlamat untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi dan motivasi yang tinggi. Kaunselor juga boleh merangka dan menetapkan jadual untuk perlaksanaan sesi kelompok bimbingan di sekolah seterusnya merancangkan program yang sesuai untuk mereka kelak. Pihak atasan pula perlu memberi sokongan dan ruang kepada sesi kelompok bimbingan untuk dilaksanakan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.4.3 Implikasi Terhadap Ibu Bapa dan Masyarakat

Hasil kajian ini turut memberi kesan kepada ibu bapa dan masyarakat. Dapatan kajian ini boleh ditunjukkan kepada ibu bapa subjek dengan tujuan memberi pendedahan kepada mereka tentang tahap penghargaan kendiri dan motivasi anak-anak mereka. Secara tidak langsung ibu bapa akan lebih memahami dan menyedari tentang punca kepada pembentukan penghargaan kendiri yang negatif dalam diri anak-anak mereka.

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, antara faktor yang menyebabkan penghargaan kendiri yang rendah dalam kalangan pelajar adalah disebabkan oleh kurangnya didikan agama dan sokongan sosial daripada individu yang signifikan dengan diri mereka. Oleh itu, ibu bapa boleh mengambil iktibar untuk memberi didikan agama dan sokongan positif kepada anak-anak mereka dalam membantu kepada pembentukan penghargaan kendiri yang positif.

Selain itu, masyarakat juga boleh turut membantu memberi sokongan sosial kepada golongan pelajar. Hal ini menjadi tanggungjawab kepada seluruh pihak dan tidak terkecuali golongan masyarakat dalam usaha melahirkan golongan generasi pelapis negara yang benar-benar beriman dan berkualiti di dunia dan juga di akhirat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.5 Masalah Dalam Menjalankan Penyelidikan.

Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar tingkatan dua sebuah sekolah menengah dalam daerah Kinta, Perak sebagai populasi kajian pengkaji. Pada peringkat ujian pra, soal selidik telah diedarkan kepada kumpulan pelajar lelaki dan perempuan yang mendapat pencapaian akademik sederhana untuk mengenalpasti dan memilih subjek sebagai kumpulan rawatan dan kawalan. Terdapat beberapa soalan yang tidak ditandakan dengan jelas. Terdapat beberapa subjek yang mengisi jawapan soal selidik dengan skala 3 iaitu tidak pasti. Maka, ia sedikit sebanyak mempengaruhi min yang diperoleh dan menyebabkan kesahan dan kebolehpercayaan ujian tersebut rendah. Maka, penapisan borang soal selidik dilakukan oleh pengkaji untuk memastikan hanya borang yang mempunyai skor bawah min dipilih sebagai sampel kajian. Seterusnya persampelan secara rawak berlapis digunakan dimana subjek diagihkan mengikut jantina Seterusnya subjek diagihkan kepada empat kelompok berdasarkan teknik rawak secara berpasangan (*pair random sampling*) iaitu kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan, kelompok kawalan lelaki dan kelompok kawalan perempuan. Ini dilakukan untuk memastikan kesemua subjek mempunyai ciri-ciri subjek yang setara dan bilangan yang sama.

Semasa menjalankan sesi kelompok pada waktu persekolahan, kerjasama daripada pihak sekolah dan kaunselor yang membenarkan pelajar mengikuti sesi kaunseling pada waktu belajar telah memudahkan fasilitator menjalankan sesi dengan lancar. Fasilitator telah memainkan peranan dengan menjalankan aktiviti untuk menggalakkan penglibatan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

semua ahli dan memberi ruang kepada ahli-ahli untuk berinteraksi antara satu sama lain. Pada masa yang sama, peraturan kelompok juga ditetapkan untuk meningkatkan kepercayaan dan rasa selamat ahli-ahli ketika berada dalam kelompok tersebut. Walaubagaimanapun risiko pelajar untuk ponteng ketika sesi bimbingan masih wujud..

Selain itu, saiz bilik kaunseling kelompok yang kecil untuk memuatkan 10 orang ahli-ahli kelompok termasuk seorang fasilitator telah menampakkan satu suasana yang kurang selesa di antara ahli-ahli. Sikap ahli kelompok yang suka berbual sesama mereka kadang kala mempengaruhi tumpuan fasilitator dalam mengendalikan sesi. Namun begitu, setiap permasalahan dan halangan yang timbul dapat diatasi oleh pengkaji dengan kemahiran dan ilmu-ilmu kaunseling yang telah dipelajari sehingga berjaya menamatkan sepuluh sesi bimbingan kelompok bersama ahli-ahli kelompok.

5.6 Saranan dan Cadangan Penyelidikan Pada Masa Akan Datang

Oleh kerana kajian ini dijalankan dalam masa yang singkat, telah menyebabkan pengkaji tidak menjalankan (*following up)* terhadap kesan rawatan bimbingan kelompok. Bagi memastikan ketahanan kesan rawatan bimbingan kelompok penyeliaan secara berkala perlu dilakukan. Subjek ini perlu diuji dan diukur melalui instrumen tertentu mengikut sela masa tertentu seperti dua bulan sekali atau empat bulan sekali selepas tamatnya

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

rawatan. Melalui ujian susulan ini, kebolehpercayaan kesan rawatan bimbingan kelompok adalah dijamin.

Di samping itu, untuk menjalankan kajian pada masa depan di harapkan kaedah rawatan yang akan di jalankan dapat menggunakan pelbagai kaedah kaunseling. Dalam kajian ini, kaedah rawatan hanya terhad menggunakan sesi bimbingan kelompok yang dijalankan selama sepuluh sesi sahaja. Selain itu, dicadangkan agar kaedah rawatan lain seperti kaunseling individu, kaunseling kelompok mingguan, program-program motivasi serta kaedah kaunseling lain yang boleh digunakan dalam merawat dan menangani tingkah laku ponteng dalam kalangan pelajar di sekolah.

Selain itu, faktor etnik juga boleh dijadikan sebagai pemboleh ubah yang dikawal. Kajian ini hanya melibatkan subjek yang berketurunan Melayu. Hal ini menyebabkan wujudnya kumpulan subjek kajian yang agak homogenius. Kajian ini tidak dapat membuat generalisasi keberkesanan rawatan terhadap kumpulan etnik yang lain seperti Cina dan India. Maka adalah dicadangkan untuk kajian akan datang supaya mempelbagaikan komposisi etnik ahli kelompok bagi mewujudkan kelompok rawatan yang heterogenius. Oleh itu, diharapkan cadangan- cadangan tersebut dapat memberikan kebaikan kepada mutu kajian pada masa akan datang dan sekaligus memberikan pandangan yang positif ke atas bidang kaunseling dalam negara mahupun di luar negara.

Kajian yang telah dijalankan ini adalah berfokus kepada pelajar berbangsa Melayu sahaja yang mempunyai penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian yang rendah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kajian ini lebih banyak bertumpu kepada mereka yang mempunyai masalah pencapaian akademik sederhana. Kajian ini tidak dapat membuat generalisasi keberkesanan rawatan terhadap kumpulan etnik yang lain seperti Cina dan India. Maka untuk memastikan kajian yang akan datang lebih memberangsangkan, sampel kajian mungkin boleh dipilih daripada pelbagai komposisi etnik ahli kelompok bagi mewujudkan kelompok rawatan yang heterogenius.

Selain itu, kajian ini telah dijalankan di sebuah sekolah di kawasan luar bandar sahaja. Maka dicadangkan untuk kajian akan datang, kajian tersebut boleh dialihkan kepada populasi kajian ke beberapa buah sekolah di bandar dan luar bandar pula untuk melihat keberkesanan rawatan kaunseling kelompok berstruktur terhadap pelajar-pelajar di sekolah-sekolah lain yang menghadapi masalah yang sama. Perbandingan dapat dibuat antara keberkesanan kajian di bandar dan luar bandar.

Self-Esteem Index (SEI) ialah satu instrumen yang telah dialih bahasa untuk melihat tahap penghargaan kendiri indidvidu. SEI mengandungi empat subkonstruk iaitu penghargaan kendiri keluarga, perhargaan kendiri rakan sebaya penghargaan kendiri sekolah dan penghargaan kendiri keselamatan diri. Ianya telah dialih bahasa dan diadaptasi oleh pengkaji dengan bantuan pakar bahasa dan pakar dalam bidang kaunseling. Alat ukur penghargaan kendiri ini sesuai digunakan untuk individu dalam lingkungan umur 8 hingga 18 tahun. Adalah diharapkan instrumen ini akan dapat membantu pengkaji-pengkaji lain untuk melihat tahap penghargaan kendiri individu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Penggunaan yang lebih meluas akan dapat memantapkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ini.

Disebabkan faktor masa yang terhad, maka pengkaji tidak menjalankan *following up* terhadap kesan rawatan tersebut. Hal tersebut telah menimbulkan persoalan terhadap ketahanan kesan rawatan terhadap subjek, subjek kajian haruslah diukur mengikut sela masa tertentu seperti dua bulan sekali atau empat bulan sekali selepas tamatnya rawatan. Melalui ujian susulan ini, ia dapat memastikan kebolehpercayaan kesan rawatan kaunseling adalah dijamin. Oleh itu, diharapkan cadangan-cadangan tersebut dapat memberikan kebaikan kepada mutu kajian pada masa akan dating dan sekaligus memberikan pandangan yang positif ke atas biddang kaunseling dalam Negara mahupun di luar Negara.

5.7 RUMUSAN DAN PENUTUP

Sebagai rumusan, kajian yang telah dijalankan pada keseluruhannya telah berjaya mencapai tujuan dan matlamatnya. Beberapa persoalan yang telah ditimbulkan di bahagian awal kajian ini telah dapat dijawab dengan memuaskan. Dalam bab ini telah menyentuh perkara-perkara seperti perbincangan, implikasi kajian, masalah dalam penyelidikan dan cadangan penyelidikan masa akan datang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Secara umumnya, kajian ini bertujuan mengetahui keberkesanan bimbingan kelompok berstruktur bagi meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian bagi kelompok rawatan di antara pra-ujian dengan pos-ujian. Daripada keputusan tersebut, jelaslah bahawa dengan menggunakan intervensi kaunseling kelompok berpandukan KKB ini dapat meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pencapaian seseorang individu itu.

Kajian ini dapat membuka minda kepada kaunselor-kaunselor sekolah bahawa mereka mempunyai peluang yang unik untuk meneroka fenomena pelajar-pelajar yang mempunyai penghargaan kendiri dan motivasi yang rendah. Mereka juga seharusnya mengkaji dan menilai segala keperluan dan pelbagai penilaian pelajar terhadap dirinya sendiri agar dapat membantu pelajar mencari punca permasalahan melalui pelaksanaan program-program kaunseling yang boleh membawa perubahan.

Secara keseluruhannya, keberkesanan kajian ini telah membuktikan kewibawaan kesan kaunseling kelompok berstruktur dalam meningkatkan penghargaan kendiri dan motivasi pelajar pencapaian akademik sederhana. Ia juga telah memperkukuhkan kefungsian teori REBT dan keberkesanan model kaunseling kelompok berstruktur dalam merawati penghargaan kendiri dan motivasi pelajar. Selain dari itu ianya dapat memberi maklumat atau input yang positif kepada pihak sekolah, guru-guru dan juga ibu bapa dalam menangani masalah yang berlaku pada pelajar masa kini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

RUJUKAN

Abdul Malek Haji Abdul Rahman (2004). *Kesan kaunseling kelompok tingkah laku kognitif dalam merawat tingkah laku lansung buli di kalangan pelajar sekolah menengah*. Tesis Phd yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Munaim Haji Abd Karim (2002). *Peningkatan konsep kendiri pelajar-pelajar tingkatan empat bercapaian akademik rendah melalui kaunseling kelompok.* Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

Abd Rahim Abd Rashid (2000). *Wawasan dan agenda pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & distributor Sdn Bhd

Abu Bakar Nordin (1995). *Asas penilaian pendidikan*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Ahmad Saufie Ali (1996). *Hubungan antara orientasi pembelajaran, motivasi pencapaian dan pendekatan pembelajaran serta kesannya terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi tingkatan enam.* Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia

Alias Baba, Halimah Harun dan Mohd Sahandri Gani Hamzah (1995). Implikasi konsep kendiri akademik terhadap pencapaian akademik dan penguasaan kerja amali kemahiran bersepadu mengikut jantina dan lokasi. *Jurnal Pendidikan 20: 53-65*.

Asmah Bee Mohd Noor & Iran Herman (1995). *Membina kesejahteraan remaja*. Bangi: Tekno Edar.

Azizi Yahya (2005), *Psikologi sosial alam remaja.* Kuala Lumpur: PTS Profesional

Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan (2007), *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan:teori, analisis & interpretasi data.* Kuala Lumpur: PTS Profesional

Berg R.C., Landreth G. L. & Fall K. A. (2006) '*Group Counseling: Concepts and Procedures'*. New York:Routledge, Taylor and Francis Group

Brislin, R.W., Lonner, W.J. & Thondike, R. M. (1973) '*Cross cultural research methods*'. New York: John Wiley & Sons.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Brigman G. & Goodman B. E. (2001). *Group Counseling for School Counselors: A Practical Guide.* Portland:Walch Publishing

Brown , L & Alexander J. (1991) *Self Esteem Index (SEI) examiner's manual*. Austin: Pro-Ed

Chua Yan Piaw (2006) *Kaedah dan Statistik Penyelidikan:Buku 1- Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Sdn Bhd

Clemes, Bean & Clark (1992). *How to raise teenagers self esteem.* Petaling Jaya: Pelanduk Publications(M) Sdn Bhd

Connie.D Palladino (1990). *Developing self esteem – a positive guide for personal success*. London: Kogan Page

Corey, G. (2008). *Theory and pratice of group counseling (7th ed.).* Belmont, California:Thomson Brooks / Cole

Coopersmith, S. (1967). *The antecedents of self esteem*. San Francisco : Watt-Freeman and Co.

Crow & Crow. (1983). *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Ellis. A. & Grieger, R. (1986). *Handbook Of Rational-Emotive Therapy*:Vol.2, New York: Spinger 189

Ellis. A. (1996). *Better, deeper and more enduring brief therapy: The rational-emotive behavior therapy approach.* New York: Brunner/Mazel

Henderson, P.A. (2004). Effects if a stress-control program on children's lows of control, self-concept, and coping behavior. *The School Counselor, 40*:125-131.

High suicide rates due to examinations (2008, Mac 16). Diperolehi daripada *http//www.Bernama.com*

Jacob. Ed.E, Masson. R.L & Harvill. R.L. (2009). *Groups Counsellings: Strategies and Skills*. Belmont, CA: Thomson Brooks/Cole.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jamaludin Ahmad, Sidek Mohd Noah, Rusnani Abdul Kadir & Shamsuddin Ahmad (2005). Keberkesanan Penggunaan Modul Program Maju Diri Keatas Motivasi Pencapaian Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Selangor. *Jurnal PERKAMA, 11:15-36*

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairuz Ahmad Wazir (2008). *Kesan kaunseling kelompok terapi rasional emotif perlakuan (REBT) terhadap persepsi keluarga, penghargaan kendiri dan kemurungan dalam kalangan pelajar ibu bapa bercerai*. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris

Khor Pei Sun (2002). *Hubungan antara jantina, pencapaian akademik, status sosio-ekonomi dan lokus kawalan dengan penghargaan kendiri remaj*a. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia

Lapsley, D. & Edgerton, J. (2002). Separation-individuation, adult attachment style & college adjustment. *Journal of Counseling &Development,* 80, 484-492

Leon, Ana Maria (2008). *The effects of a culturally translated school counselor-led intervention on Hispanic students' academic achievement*. Ph.D. dissertation, Florida Atlantic University, United States -- Florida. Retrieved December 15, 2009, from Dissertations & Theses: Full Text.(Publication No. AAT 3358450).

Lum Chee Seng (2002). *The use of group counselling in enhancing positive self concept among undergraduates: A Case Study.* Projek Masters Sains Yang Tidak Di terbitkan, Universiti Putra Malaysia

Mahmood Nazar Mohamed (1990). *Pengantar Psikologi; Satu pengenalan Asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Malek Muhamat Said (2007). *Mengurus khidmat bimbingan dan kaunseling sekolah.* Kuala Lumpur, PTS Profesional Publishing Sdn Bhd

Marzuki Ngah (2005). Hubungan antara konsep kendiri akademik, konsep kendiri bukan akademik dan motivasi pencapaian terhadap Sains.*Kertas yang dibentangkan di Seminar Penyelidikan Institut Pendidikan Guru Batu Lintang*, Sarawak

Maslow, A.H. (1970). *Motivation and personality, 2nd edition*. New York, Harper & Row

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

McClelland, D.C. (1961). *The Achieving society*. New York: D. Van Nostrand Reinhold

Megat Muhamad Azhan Megat Rafie (2003). *Penghargaan kendiri dan pencapaian akademik : Kajian di kalangan ahli sukan wanita UPSI* . Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris

Mohammad Nasir Bistamam (2006). *Kesan kaunseling kelompok ke atas penyesuaian remaja berisiko.* Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohamed Sharif Mustaffa, Roslee Ahmad, Hamdan Abdul Kadir. (2006) *Teori dan praktis kaunseling kelompok kontemporari*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Annuar Zaini (2007). *PIPP:Pulangan perlu optimum*. Dewan Masyarakat Mei 2007 Hlm 32-33

Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Muhammad Aziz Shah Mohamed Arip. (2008). *Kaunseling motivasi berjaya ke universiti modul dan aktiviti kendiri mencipta kejayaan ke universiti*. Tanjong Malim : UPSI.

Nasriah Hussain (1997). *Pencapaian akademik pelajar-pelajar sekolah menengah luar bandar*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan: Universiti Utara Malaysia

Norlia Abd. Aziz, and Meerah M, T. Subahan, and Lilia Halim, and Kamisah Osman, (2006) *Hubungan Antara Motivasi, Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Matematik Tambahan Pelajar Tingkatan 4. Jurnal Pendidikan (UKM), 31 . pp. 123-141*.

Munawara Salamat (2008). *Keberkesanan kelompok bimbingan dalam meningkatkan konsep kendiri pelajar pencapaian akademik sederhana.* Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris

Othman Mohamed (2001). *Penulisan tesis dalam bidang sains sosial terapan.* Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia

Pelajar terjun dari bangunan sekolah (2006, Mac 15). *Berita Harian*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Ramesh Kanapathy (2003). *Keberkesanan proses kaunseling ke atas pencapaian akademik dan disiplin pelajar*. Latihan Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan. Universiti Malaya

Reid. K. (1985). *Truancy and school absenteeism*. London : Hodden and Stoughton.

Rosenberg, M. (1965). *Society and the adolescent self image*. New Jersey : Princeton University Press.

Salmiah Monshie, Rusnani Abdul Kadir & Asmah Ismail (2005). Pengaruh Kelompok Bimbingan Terhadap Konsep Kendiri dan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal PERKAMA, 11 : 61-73*

Sapora Sipon.(2012). *Kaunseling kelompok.* Nilai: Penerbitan Universiti Sains Islam.

Siti Khazimah Skh Omar (2000). *Keberkesanan kaunseling kelompok terhadap konsep kendiri dan motivasi pencapaian pelajar-pelajar ponteng sekolah*. Latihan Ilmiah yang tidak di terbitkan. Universiti Putra Malaysia

Sidek Mohd Noah (2002). *Reka bentuk penyelidikan : falsafah, teori dan praktis.* Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia

Toh Yen Mei (2005). *Keberkesanan kaunseling kelompok ke atas penghargaan kendiri remaja di Sherperd's Centre Foundation Semenyih.* Tesis Sarjana Yang Tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia

UPSR girl found hanged in bedroom (2007, November 19). *Malay Mail*

Wan Abdul Kader Wan Ahmad (1995). *Kaunseling kelompok berstruktur : pengurangan kebimbangan sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Wan Rahimah Wan Ab Kadir (1995). Pendidikan masa kini: Ke arah melahirkan generasi berkualiti. *Jurnal Guru, 7: 426-436*

Wan Samhanin Wan Sulaiman (2005) *Hubungan diantara penghargaan kendiri dan kefungsian keluarga di kalangan remaja melayu.* Latihan Ilmiah Yang Tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Zaharah Mohd Nadzir (2000). *Hubungan antara konsep kendiri dan motivasi pencapaian dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah*. Projek Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia

Zuraidah Abdul Rahman (1996), *Pengenalan kaunseling kelompok*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

LAMPIRAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

JABATAN PELAJARAN PERAK,
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
30640 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-501 5000
Faks : 05-527 7273

" 1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN "

J.Pel.Pk.(AM)5114/4 Jld 2 (65)
Tarikh : 13 Januari 2010

En.Abdul Rahman B. Khalid
26, Hala Taman Meru 19
30020 Taman Meru 2B
Ipoh, Perak

Tuan,

KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH / RENDAH NEGERI PERAK

Saya diarahkan merujuk surat tuan bertarikh 9Januari 2010 yang ada kaitannya dengan surat Kementerian Pelajaran Malaysia bilangan KP(BPPDP)603/6/Jld.01 (63) bertarikh 21 Disember 2009 tentang perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Pelajaran Perak **tiada halangan** memberi kebenaran kepada tuan untuk menjalankan kajian dan soal selidik bertajuk **"Kesan Kaunseling Kelompok Berstuktur Terhadap Penghargaan Kendiri Dan Motivasi Pencapaian Dalam Kalangan Pelajar Pencapaian Akademik Sederhana "** di sekolah-sekolah di negeri Perak dengan syarat mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Pengetua/Guru Besar sekolah berkenaan.

3. Sila tuan kemukakan senaskhah laporan akhir kajian ke Unit Perhubungan dan Pendaftaran , Jabatan Pelajaran Perak setelah selesai kajian dijalankan.

4. Kehadiran tuan membuat kajian di sekolah berkenaan tidak seharusnya menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah berkenaan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(ISMAIL B. EBRAHIM)
Penolong Pendaftar Sekolah
b.p. Pendaftar Sekolah-Sekolah Perak

s.k. 1. Pendaftar Sekolah dan Guru
Jabatan Pelajaran Perak
2. Penolong Pendaftar Sekolah dan Guru
Pejabat Pelajaran Daerah Negeri Perak

Khazupp10

"CINTAILAH BAHASA KITA"

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

MODUL KAUNSELING KELOMPOK BERSTRUKTUR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

TAHAP 1

MEMBINA HUBUNGAN

Masa : Cadangan 120 minit

Tujuan :

5. Mewujudkan hubungan dengan menyediakan suasana dan syarat-syarat penghargaan seperti empati, kemesraan dan hormat.
6. Membina kepercayaan dan kemesraan sesama ahli dan ahli kelompok dengan kaunselor.
7. Menilai dan memerhatikan masalah sekunder tentang kehadiran mereka menyertai kelompok seperti tidak bersemangat, memerlukan bantuan dan kerisauan dalam menghadiri kelompok.
8. Mendedahkan mereka tentang langkah awal untuk membentuk perubahan dan menyakinkan bahawa melibatkan diri dalam kelompok memungkinkan mereka mencapai matlamat tersebut.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

AKTIVITI 1
SIAPA SAYA ?

Masa : 35 minit

Alat : Benang

Objektif :

1. Memulakan dan membina hubungan dengan memperkenalkan diri kepada setiap ahli kelompok
2. Mengingati nama panggilan setiap ahli kelompok

Langkah :

1. Peserta diminta duduk dalam bentuk bulatan dan diberikan benang
2. Kaunselor memulakan aktiviti dengan *'social talk'* ringkas di samping memperkenalkan diri dengan nama panggilan
3. Setiap ahli dikehendaki memperkenalkan diri dengan nama panggilan secara bergilir-gilir.
4. Setiap ahli telah diberi seutas benang.
5. Sebelum ahli seterusnya memperkenalkan diri, ahli tersebut akan mengikat benang pada benang rakannya yang telah memperkenalkan diri dengan menyebut nama panggilan rakannya itu. Contohnya "Faris telah mengikat benang Kamal".
6. Setelah Kamal memperkenalkan diri, Kamal akanmengikat benang pada Siti dan mengulang semula nama yang telah diikat dari awal. Contoh "Faris telah mengikat benang Kamal, Kamal telah mengikat benang Siti…." Sehinggalah tamat semua ahli memperkenalkan diri.

Perbincangan :

1. Perkara yang disebut berulang-ulang kali dan disusuli dengan perbuatan (mengikat benang) akan lebih mudah diingati.
2. Diri akan rasa dihargai apabila kita memanggil dengan nama yang disukai

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

AKTIVITI 2
PUZZLE

Masa : 50 minit

Alat : Keratan gambar

Objektif :

1. Untuk meningkatkan tahap hubungan dalam kelompok dengan penerokaan maklmat lebih mendalam
2. Untuk memulakan pendedahan kendiri melalui perkongsian dengan rakan-rakan secara berpasangan

Langkah :

1. Kaunselor akan memberikan beberapa keratan gambar yang berlainan kepada ahli kelompok.
2. Setiap ahli diminta untuk mencantumkan setiap keratan gambar yang diberikan dengan pasangan yang mempunyai padanan gambar yang sesuai.
3. Setelah mendapat pasangan mereka, ahli diminta untuk duduk bersama di tempat yang selesa dan berkongsi tentang latar belakang dirinya seperti hobi, cita-cita, bilangan adik beradik, pekerjaan ibu bapa dan sebagainya.
4. Mereka boleh berkongsi seberapa banyak pengalaman yang berlangsung selama 10 minit.
5. Semua peserta diminta berkumpul semula dan diminta dengan sukarela menceritakan maklumat yang mereka perolehi.

Perbincangan :

1. Menilai perasaan ahli-ahli apabila dapat menceritakan kisah rakan-rakan masing-masing dan apabila kisahnya diceritakan oleh orang lain.
2. Kemesraan hubungan dalam kelompok dapat ditingkatkan apabila ada kepercayaan dan kesediaan untuk membuat pendedahan kendiri.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

AKTIVITI 3
MEMBINA ETIKA KELOMPOK

Masa : 45 minit

Alat : Buku catatan dan pen

Objektif :

1. Untuk menggalakkan ahli-ahli mengemukakan pendapat dan pandangan masing-masing
2. Untuk melatih ahli-ahli melibatkan diri dalam proses membina etika kelompok seterusnya membantu ahli-ahli untuk berinteraksi di dalam kelompok
3. Untuk melatih ahli-ahli lebih berdisiplin melalui etika kelompok yang dicadangkan

Langkah :

1. Kaunselor menyemak setakat mana kepercayaan di kalangan ahli-ahli kelompok dan mengaitkan antara kepercayaan dengan kerahsiaan. Dalam membina etika ini, kaunselor telah membuat penekanan tentang aspek kerahsiaan dalam kelompok.
2. Selain itu, ahli-ahli telah diminta untuk membincangkan aspek-aspek lain yang perlu dipersetujui bersama sepanjang mereka melalui kaunseling kelompok. Antaranya kehadiran kelompok – yang meliputi hari dan masa; keterlibatan diri dalam kelompok; penerimaan serta penghormatan terhadap orang lain dan sebagainya.
3. Ahli-ahli diminta menyusun perkara-perkara yang dipersetujui bersama dan mencatat dalam buku catatan seterusnya menggelarkannya sebagai etika kelompok.

Perbincangan :

1. Setiap ahli perlu memahami dan mematuhi etika kelompok yang dipersetujui bersama.
2. Kesediaan dan kepercayaan sesama ahli-ahli kelompok adalah penting dalam kelompok dan ia berkait rapat dengan etika kelompok.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

TAHAP 2

MENTAKSIR MASALAH, DIRI DAN SITUASI

Masa : Cadangan 120 minit

Tujuan : Mentaksir setakat mana tahap masalah, diri dan situasi di kalangan ahli-ahli kelompok.

Tumpuan Kaunselor Dalam Proses Kaunseling Kelompok :

1. Melalui pandangan klien, semak kerungsingan dan perkara yang tidak kena pada diri ahli kelompok.
2. Kenalpasti kekacauan klnikal yang berkaitan dan dapatkan latar belakang personal dan latar belakang sosial klien.
3. Menaksir perkara-perkara yang mendorong kepada masalah secara ekologikal. Contohnya keluarga, rakan-rakan, sekolah dan kejiranan.
4. Menyemak faktor-faktor penyebab bukan psikologikal seperti keadaan fizikal, perubatan, rawatan, penyalahgunaan bahan, cara hidup dan faktor-faktor persekitaran.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

AKTIVITI 4
GRAF KEHIDUPAN

Masa : 120 minit

Alat : Graf Kehidupan (bahan 1), kertas A4 dan pen

Objektif :

1. Menggalakkan ahli untuk menghayati semula pengalaman kehidupan sendiri dalam suasana masing-masing
2. Merangsang ahli-ahli membuat pendedahan kendiri dalam kelompok.

Langkah :

1. Ahli-ahli kelompok diminta untuk duduk di dalam satu bulatan dan dalam masa 5 minit mereka diminta untuk mengingatkan semula seberapa banyak pengalaman lepas yang termampu.
2. Kaunselor mengedarkan sehelai kertas A4 kepada setiap ahli kelompok dan meminta ahli mencatatkan seberapa banyak pengalaman (pahit dan Manis) yang dilalui.
3. Kaunselor mengedarkan bahan 1 : graf kehidupan kepada setiap ahli dan memberikan penerangan untuk membentuk graf garis berdasarkan pengalaman kaunselor.
4. Dalam masa 5 hingga 10 minit, ahli diminta membentuk graf kehidupan dan secara sukarela meminta ahli membuat pembentangan graf kehidupan masing-masing.
5. Ahli-ahli lain digalakkan untuk membuat pertanyaan, perbincangan dan perkongsian pengalaman yang sama semasa pembentangan dijalankan.

Perbincangan :

1. Peristiwa dan pengalaman yang telah dilalui memberikan kesan terhadap perasaan dan perlakuan ahli itu sendiri.
2. Persekitaran seperti keluarga, rakan-rakan, sekolah, kejiranan dan sebagainya mempengaruhi kehidupan individu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

TAHAP 3

MENYEDIAKAN KLIEN UNTUK TERAPI

Masa : Cadangan 120 minit

Tujuan : Mengenalpasti faktor ekologikal yang menyumbangkan masalah dan seterusnya menyediakan ahli-ahli kelompok untuk menjalankan intervensi kaunseling kelompok.

Tumpuan kaunselor dalam proses kaunseling kelompok.

5. Mengenalpasti matlamat terapi dalam kelompok.
6. Memperkenalkan asas REBT kepada klien dan model kesan akibat biopsikologikal.
7. Membincangkan pendekatan yang digunakan dan kesan daripada proses kaunseling kelompok.
8. Membina kontrak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

AKTIVITI 5
MEREKA YANG BERMAKNA

Masa : 90 minit

Alat : Mereka yang Bermakna (bahan 2) dan alat tulis

Objektif :

1. Membantu ahli melihat secara objektif individu yang bermakna dan individu yng tidak bermakna di sekeliling mereka
2. Membantu ahli menghubungkan antara peristiwa yang berlaku bersama individu yang bermakna atau tidak bermakna dengan fikiran, perasaan dan perlakuan mereka selama ini
3. Mengenal pasti matlamat terapi dalam kelompok

Langkah :

1. Ahli-ahli kelompok diberi masa dalam 3-5 minit untuk mengingat individu yang bermakna dan tidak bermakna dalam kehidupan mereka.
2. Kaunselor mengedarkan bahan 2 : Mereka yang Bermakna kepada setiap ahli dan memberikan penerangan tentang cara mengisi ruangan yang disediakan.
3. Dalam masa 5-10 minit ahli diminta mengisi bahan berdasarkan langkah 1.
4. Kaunselor membuat contoh dan meminta secara sukarela setiap ahli untuk membuat pembentangan masing-masing.
5. Ahli-ahli kelompok yang lain digalakkan untuk membuat pertanyaan, perbincangan dan berkongsi pengalaman yang sama semasa salah seorang ahli membuat pembentangan.
6. Kaunselor membantu ahli-ahli berbincang untuk mencapai matlamat terapi kelompok.

Perbincangan :

1. Menilai peristiwa paling manis yang dilalui bersama individu yang paling bermakna dan peristiwa pahit yang dilalui bersama individu yang paling tidak bermakna.
2. Mengenalpasti fikiran dan perasaan yang terbentuk kesan tanggapan mereka terhadap individu yang paling bermakna dan yang paling tidak bermakna.
3. Matlamat terapi dalam kelompok.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

AKTIVITI 6
MENGENALI REBT

Masa : 30 minit

Alat : Rajah Biopsikologikal (bahan 3) dan alat tulis

Objektif :

1. Membantu ahli memahami modul kesan akibat biopsikologikal REBT
2. Ahli-ahli dapat membuat kontrak secara bertulis

Langkah :

1. Kaunselor mengedarkan bahan 3 : Rajah biopsikologikal kepada ahli-ahli kelompok.
2. Kaunselor membincangkan pendekatan yang akan digunakan dan kesan positif yang timbul daripada proses kaunsling kelompok yang bakal dilalui oleh ahli-ahli kelompok.
3. Ahli-ahli akan menandatangani kontrak secara bertulis.

Perbincangan :

1. Terdapat hubungan antara A iaitu kejadian yang berlaku; B ialah fikiran dan persepsi tidak rasional yang terhasil dan C ialah perasaan dan perlakuan yang timbul.
2. Masalah terjadi bukan berpunca daripada sesuatu kejadian atau peristiwa tetapi sebaliknya penilaian daripada fikiran tidak rasional terhadap kejadian tersebut yang mendatangkan kesan akibat kepada perasaan dan perlakuan negatif.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

TAHAP 4

MELAKSANAKAN PROGRAM RAWATAN

Masa : Cadangan 240 minit

Tujuan : Mengenalpasti masalah, menyediakan matlamat indiidu dan strategi menangani masalah.

Tumpuan kaunselor dalam proses kaunseling kelompok :

5. Melakukan analisis rasional (rational analysis) iaitu dengan cara melihat episode-episode secara spesifik terhadap masalah-masalah yang berlaku seperti berikut ; A → B → C iaitu melihat kesan akibat A terhadap B dan melihat kesan akibat B terhadap C.
6. Mengenalpasti sistem kepercayaan klien berdasarkan kepada 4 tema dan mencabar sistem kepercayaantidak rasional klien.
7. Menyediakan tugasan untuk klien lakukan di luar kelompok.
8. Membangunkan tugasan perlakuan untuk menguangkan ketakutan atau mengubahsuai cara bertingkah laku.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

AKTIVITI 7
ANALISIS RASIONAL

Masa : 120 minit

Alat : Graf kehidupan (bahan 1). Mereka yang Bermakna (bahan 2), Rajah Biopsikologikal (bahan 3), Pemikiran Tidak Rasional (bahan 4) dan alat tulis

Objektif :

1. Ahli-ahli dapat melihat masalah yang berlaku secara objektif samada dari sudut peristiwa (melalui bahan 1) atau individu lain (melalui bahan 2)
2. Ahli-ahli dapat melihat hubungan antara kejadian (A) dengan sistem pemikiran (B) dan kesan akibat penilaian B terhadap A kepada perasaan dan perlakuan (C)

Langkah :

1. Ahli-ahli kelompok duduk dalam bentuk susunan bulatan dan kaunselor meminta mereka meihat semula bahan graf kehidupan dan mereka yang bermakna yang telah diisi. Berdasarkan kedua-dua bahan tersebut mereka dipandu oleh kaunselor untuk menilai dan mengenalpasti apakah kejadian yang berlaku (A) sama ada peristiwa (graf kehidupan) atau individu lain (mereka yang bermakna) yang sangat memberi kesan terhadap perasaan ketika ini.
2. Kaunselor dan ahli-ahli membuat rumuan kejadian yang berlaku pada setiap ahli dan meminta ahli-ahli menulis rumusan tersebut pada bahagian A dalam bahan 4.
3. Ahli-ahli digalakkan untuk berkongsi apakah perasaan dan perlakuan salahsuaian yang dihadapi dan timbul ketika ini dan kesan daripada kejadian yang berlaku (A).
4. Dalam bentuk fakta, ahli-ahli dipandu menyenaraikan perasaan negatif dan perlakuan salahsuaian pada bahagian C dalam Bahan pemikiran tidak rasional. Dalam masa yang sama, kaunselor menganalisis tema pemikiran tidak rasional ahli semasa membuat perkongsian.
5. Berdasarkan Bahan 3 : Rajah Biopsikologikal, kaunselor membuat penerangan tentang analisis rasional iaitu berhubung dengan episod-episod terhadap masalah yang berlaku iaitu A-B-C dengan menerangkan konsep sistem pemkiran tidak rasional (B), penilaian B terhadap A dan kesan akibat penilaian tersebut yang membentuk C.

Perbincangan :

1. Manusia tidak dapat lari daripada pelbagai kejadian yang berlaku sama ada positif atau negatif sepanjang hidupnya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

2. Kejadian negatif yang berlaku sama ada dari sudut peristiwa yang berlaku atau bersama individu lain memberi kesan secara tidak langsung terhadap perasaan dan perlakuan.
3. Perasaan negatif dan perlakuan salahsuaian yang timbul sebenarnya tidak ada kaitannya dengan kejadian yang berlaku. Perasaan dan perlakuan tersebut timbul adalah kesan daripada penilaian sistem pemikiran tidak rasional terhadap kejadian yang berlaku.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

AKTIVITI 8
MENCABAR SISTEM PEMIKIRAN TIDAK RASIONAL

Masa : 60 minit

Alat : Rajah Biopsikologikal (bahan 3), Pemikiran Tidak Rasional (bahan 4), Rajah Biopsikologikal Positif (bahan 5) dan alat tulis

Objektif :

1. Ahli-ahli dapat melihat sistem pemikiran tidak rasional secara lebih objektif berdasarkan kepada 4 tema utama (melalui bahan 4 : Pemikiran Tidak Rasional).
2. Ahli-ahli dapat merasakan kesan akibat sistem pemikiran yang rasional dalam menilai kejadian (A) terhadap (C).

Langkah :

1. Ahli-ahli kelompok duduk dalam bentuk bulatan dan kaunselor meminta mereka melihat semua Rajah Biopsikologikal (bahan3) yang telah diisi. Berdasarkan bahan tersebut mereka dipandu oleh kaunselor untu melihat secara objektif mengapa mereka tidak puas hati terhadap kejadian yang berlaku (A).
2. Setiap ahli membuat perkongsian tentang apa yang mereka tidak puas hati berdasarkan bahan Rajah Biopsikologikal. Dalam masa yang sama, kaunselor membuat analisis tentang sistem pemikiran tidak rasional ahli-ahli berdasarkan 4 tema utama (Rujuk bahan 4).
3. Ketika setiap ahli melakukan langkah 1, ahli-ahli lain digalakkan membuat pertanyaan dan kaunselor pula memberi galakan untuk mereka terus membuat perkongsian di samping mencabar dan membetulkan segala pemikiran tidak rasional ahli berkenaan.
4. Langkah 2, dilakukan secara bergilir-gilir sehingga semua ahli dalam kumpulan selesai membuat perkongsian.
5. Berdasarkan bahan 4 : Pemikiran Tidak Rasional, kaunselor menerangkan tentang pemikiran tidak rasional dalam konteks berkumpulan dan berhujah untuk membetulkan pemikiran tidak rasional ahli.
6. Kaunselor mengedarkan bahan 5 : Rajah Biopsikologikal positif kepada setiap ahli dan membincangkan tentang pentingnya sistem pemikiran yang realistik dan terbuka dalam menilai kejadian yang berlaku dan kesan positif terhadap emosi serta perlakuan.
7. Sebagai tugasan dalam kelompok, kaunselor meminta ahli-ahli mengingati semula individu yang paling tidak disukai pada masa ini kerana sebab-sebab tertentu. Setelah setiap ahli memperolehinya, kaunselor meminta ahli mengaitkan rantai masalah biopsikologikal iaitu A B C. Kaunselor meminta ahli-ahli

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menyemak semula B seperti yang telah dibincangkan dalam langkah-langkah sebelumnya.

8. Kaunselor meminta setiap ahli membuat imaginasi berjumpa dan berbual dengan individu yang paling tidak disukai.

Perbincangan :

1. Risiko memusnahkan diri boleh diminimumkan dengan cara meningkatkan pandangan yang lebih realistik melalui falsafah hidup yang lebih terbuka.
2. Untuk meningkatkan kesejahteraan emosi dan mengurangkan risiko perlakuan bermasalah, maka falsafah hidup yang sempit berpunca daripada sistem kepercayaan yang salah perlu diperbetulkan.
3. Dengan adanya falsafah hidup yang lebih terbuka, maka individu itu lebih berfikiran matang dan dapat menilai sesuatu kejadian atau peristiwa dengan lebih rasional, lebih toleransi terhadap orang lain di samping dapat menerima diri sendiri dan meningkatkan hidup bermasyarakat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

AKTIVITI 9
MENYEMAK TUGASAN

Masa : 30 - 60 minit

Alat : Rajah Biopsikologikal Positif (bahan 5) dan alat tulis

Objektif :

1. Ahli-ahli dapat melihat sistem pemikiran rasional secara lebih objektif.
2. Ahli-ahli dapat merasakan kesan akibat sistem pemikiran yang rasional dalam penerimaan diri dan orang lain.

Langkah :

1. Ahli-ahli kelompok duduk dalam susunan bentuk bulatan. Ahli-ahli diminta membuat perkongsian tentang tugasan yang telah diberikan iaitu kaunselor membuat penilaian tentang fikiran, perasaan mereka. Sekiranya positif, kaunselor merumus hasil perkongsian tersebut dengan mengaitkan Biopsikologikal Positif (bahan 5) sebagai peneguhan.
2. Dijangkakan tidak semua ahli dapat menyempurnakan tugasan tersebut, oleh itu kaunselor memberi ruang ahli berkenaan menyemak semula B terhadap A.
3. Dalam masa yang sama, ahli-ahli yang telah berjaya melaksanakan tugasan digalakkan untuk lebih banyak membuat perkongsian tentang kejayaan mereka bagi mendorong dan meningkatkan kekuatan ahli berkenaan untuk bertindak seterusnya.

Perbincangan :

1. Seseorang itu perlu bertanggungjawab ke atas perasaan dan tindakan sendiri.
2. Emosi yang tidak stabil dan perlakuan yang tidak berfungsi adalah lahir daripada pemikiran tidak rasional.
3. Seseorang boleh mempelajari pandangan yang lebih realistik dengan cara mengamalkan dan menjadikannya sebagai sebahagian daripada kehidupan.
4. Seseorang boleh mengalami penerimaan sepenuhnya ke atas diri sendiri dan kepuasan kendiri sepenuhnya dalam kehidupan, dengan cara meningkatkan perspektif berasaskan realiti.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

TAHAP 5

MENGATUR STRATEGI SOKONGAN

Masa : 240 minit

Tujuan : Menyediakan diri agar bersikap positif serta mempunyai wawasan dan matlamat yang realistik pada masa akan datang sama ada dalam jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

Tumpuan Kaunselor Dalam Proses Kaunseling Kelompok

4. Fasa Penjelajahan –
   meliputi aspek meneroka matlamat diri, di mana meliputi membina matlamat diri, membina imaginasi rancang tindakan, meramal hasil tindakan dan menjelajah tentang maklumat akademik dan kerjaya.

5. Fasa Penapisan –
   menyusun langkah untuk menuju pemilihan yang lebih khusus dengan mengambil kira beberapa perkara iaitu nilai diri, matlamat diri, dan ganjaran yang diperolehi, dengan mengaitkannya dengan maklumat kerjaya yang telah diteroka sebelum ini.

6. Fasa Membuat Pilihan –
   Proses membuat pilihan sebenarnya bermula daripada sesuatu yang bersifat umum dan banyak pilihan kepada sesuatu yang khusus dan pasti. Pada fasa ini, dijangkakan telah timbul dalam diri seseorang keyakinan terhadap sesuatu pilihan akademik dan kerjaya yang dibuat.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

AKTIVITI 10
SIAPA SAYA 10 TAHUN AKAN DATANG

Masa : 120 minit

Alat : Kelulysan dan Kerjaya (bahan 6), Borang Matlamat Diri (bahan 7), kertas A4 dan alat tulis

Objektif :

1. Ahli-ahli berpeluang untuk membina matlamat diri, membina imaginasi rancang tindakan dan meramal hasil tindakan.
2. Ahli-ahli berpeluang membuat penjelajahan tentang maklumat akademik dan kerjaya.
3. Ahli-ahli dapat menyusun langkah matlamat akademik dalam jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

Langkah :

1. Ahli-ahli kelompok duduk dalam bentuk bulatan dan kaunselor meminta mereka menilai diri mereka pada masa kini berdasarkan latar belakang diri pada masa kini. Dalam masa 3 – 5 minit ahli-ahli diminta membayangkan, siapakah mereka 10 tahun akan datang.
